

BAB
EMPAT

BAB EMPAT

PEMIKIRAN SIR SYED AHMAD KHAN DAN MAHATMA GANDHI MENGENAI KOMUNALISME DI INDIA

4.1 Pemikiran Sir Syed Ahmad Khan Mengenai Komunalisme

Sir Syed Ahmad Khan adalah tokoh yang telah mempengaruhi seluruh generasi dan mendominasi arena politik pada 1858 hingga 1898M. Beliau merupakan juru bicara aspirasi baru masyarakat Islam yang runtuh akibat daripada pemberontakan.²³⁶ Atas kesedaran dan daya usaha beliau membela nasib masyarakat India Muslim, beliau dianggap sebagai pengasas fahaman pemisahan (*founder of Muslim separatism*)²³⁷ dan orang yang bertanggungjawab mencetuskan idea "Two Nation Theory"²³⁸ yang memecahkan India menjadi Pakistan. Idea ini dikatakan berkembang menjadi pemikiran komunal yang diperjuangkan oleh beliau.

Jalan pemikiran seseorang manusia banyak dipengaruhi oleh latar belakang diri dan pengalaman hidup masa lalunya. Syed menyaksikan Pemberontakan

²³⁶ Moin Shakir (1973), *Secularization of Muslim Behaviour*. Calcutta: The Minerva Associates, h. 3.

²³⁷ Rajmohan Gandhi, *Eight Lives: A Study of the Hindu-Muslim Encounter*. Albany NY: State University of New York Press, h. 19.

²³⁸ Para penulis Pakistan terutamanya melalui beberapa laman web sering merujuk sebagai pencetus dan penggubal idea teori dua negara yang membawa kepada tertubuhnya negara Pakistan sebagai entiti baru lanjutan daripada teori ini. Rujuk laman web: Dawn the Internet, *op. cit*, 9 Januari 2003, "Story of Pakistan The Web Site", <http://www.storyofpakistan.com/person.asp?perid=P001>, 9 April 2002 dan PAK AVENUE, http://pakavenue.com/webdigest/history/freedom_fighter_005.htm, 9 April 2002.

1857M, dan kegagalan pemberontakan tersebut telah memusnahkan harapan untuk mencapai kemerdekaan, bahkan menyerlahkan satu era pengukuhan pemerintahan British ke atas India, dalam bentuk penjajahan ekonomi dan eksploitasi imperialisme. Ia telah memeterai satu tanda rendah diri di dahi rakyat India.²³⁹

Daripada seluruh rakyat India, yang paling parah menerima akibat tindak balas British ialah masyarakat Islam. Mereka dianggap dalang pemberontakan, dan dengan demikian disabitkan dengan akibat buruk yang patut diterima. Masyarakat Islam ketika itu kebingungan, kerana dengan begitu cepat mereka melihat kekuasaan Mughal hilang. Satu-satunya harapan telah tiada. Di sana sini, suasana menyedihkan. Ribuan manusia hilang keluarga, harta benda dan mata pencarian. Masa depan mereka suram. Ekonomi dengan cepat merudum. Peluang pekerjaan di bawah kerajaan British tertutup bagi masyarakat Islam. Kerjaya profesional bebas sangat sedikit di kalangan masyarakat Islam. Tuan-tuan tanah kehilangan banyak harta benda dirampas oleh British, sebagai hukuman kerana menyertai pemberontakan. Perdagangan dan perniagaan tradisional tidak lagi sesuai. Kesenian dan kerja tangan telah menerima tamparan dan saingan hebat daripada kilang Inggeris dan dasar tidak jujur kerajaan British.²⁴⁰

Syed melihat itu semua dengan hati yang luka. Betapa cepatnya kehancuran menimpa masyarakatnya, memusnahkan mereka secara maksimum, baik moral mahupun material. Sebagai seorang individu yang bertanggungjawab dan

²³⁹ Tara Chand dalam Shan Muhammad (1969), *Sir Syed Ahmad Khan A Political Biography*. Meerut India: Meenakshi Prakashan, h. v.

²⁴⁰ *Ibid.*

berkemampuan memberikan pimpinan, beliau bangkit dengan semangat juang yang kental untuk menyelamatkan masyarakatnya daripada nasib buruk yang menimpa mereka. Caranya tidaklah mudah, kerana yang ingin disembuhkan ialah penyakit masyarakat yang telah menular ke seluruh tubuh dan urat sarafnya. Pemikiran jumud masyarakat Islam yang telah beku perlu dicairkan. Lapisan pemikiran yang mencengkam tradisi lapuk, perlu diubah dan digantikan dengan pemikiran yang progresif dan moden. Bagi membolehkan kuasa kemajuan dan perkembangan memainkan peranannya, suatu pendekatan baru perlu diambil, bagi menangani masalah yang berkaitan dengan agama dan masyarakat. Pentafsiran perkara agama yang bersesuaian dengan tuntutan semasa, akan dapat membawa masyarakat Islam ke penghidupan baru pada masa hadapan.²⁴¹

Cara yang paling baik yang dikirakan oleh beliau untuk mencapai tujuan tersebut, ialah dengan menukarkan sistem lama pendidikan Islam, yang diajar di semua institusi Islam pada masa itu. Kurikulum lama hampir semuanya berupa pembelajaran dalam bidang linguistik, tata bahasa, logik dan undang-undang. Walaupun subjek seperti sejarah, geometri, astronomi dan perubatan dimasukkan, tetapi kesemua subjek itu tidak mencapai kemajuan membanggakan bagi tempoh 500 tahun lalu. Minda mereka telah menjadi beku, jumud dan tenggelam.²⁴²

Syed menyedari bahawa terdapat sistem lain yang wujud di Barat. Ia memberi kebebasan dalam penggunaan akal, mengkaji sesuatu penemuan yang

²⁴¹ *Ibid.*, hh. v-vi.

²⁴² *Ibid.*, h. vi.

berautoriti - hal keagamaan, kebudayaan, sosial dan melihat masa depan dengan penuh keyakinan. Asasnya ialah penggunaan akal dan sains. Ia suatu revolusi pemikiran saintifik, yang menghasilkan suatu teknik yang cekap dan progresif bagi keperluan industri yang dapat memberikan pulangan material yang lumayan. Ia juga menggalakkan perubahan sikap pada individu dan masyarakat yang kemudian meningkatkan kecekapan sosial, politik dan pentadbiran.²⁴³

Semasa Syed di England pada 1869M, selama tujuh belas bulan, beliau memanfaatkan masa itu dengan mengambil peluang bercampur gaul dengan berbagai peringkat manusia seperti bangsawan Inggeris, ahli politik, penggiat seni, ahli akademik dan orang biasa bagi meluas dan memberi pengertian sebenar kepada beliau mengenai pendidikan moden. Cara demikian, membolehkan beliau membuat kesimpulan sendiri tentang apa yang dilihat di negara orang dan apa yang akan dibuat di negara sendiri. Sekembalinya ke tanah air, Syed mula aktif membangunkan institusi mengikut acuan kehendak dan kerangka pemikiran modenya. Malahan beliau menentang semua percubaan kerajaan atau masyarakat yang cuba membangun institusi berdasarkan model lama.²⁴⁴ Langkah positif beliau dalam memperkenalkan pendidikan baru ialah meletakkan batu asas sebuah institusi yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah universiti. Beliau tidak mahu kolej *M.A.O* yang beliau asaskan itu, sebagai salinan daripada institusi yang sedia ada. Pandangan idealnya, sebuah kolej yang dilengkapi dengan segala kemudahan pembelajaran, tempat tinggal dan pengisian yang mendekatkan ilmu

²⁴³ *Ibid.*

²⁴⁴ *Ibid.*

pengetahuan dan perwatakan. Di kolej tersebut, ilmu pengetahuan akan dituntut untuk kepentingannya semata-mata, dan para sarjananya mengambil bahagian dalam membentuk pengetahuan melangkaui batasannya.²⁴⁵ Manakala disiplin dan moral, merupakan sebahagian daripada subjek yang dimasukkan dalam pengajian. Apabila mereka menjadi siswazah dan keluar ke lapangan kehidupan, akan mampu menjadi pemimpin yang baik kepada masyarakat.²⁴⁶

Dalam fikiran Syed, penubuhan kolej berkenaan, bukan semata-mata untuk masyarakat Islam, ia adalah untuk masyarakat India keseluruhannya, tanpa mengira agama dan keturunan. Syed sendiri beberapa kali mengatakan bahawa beliau akan merasa sedih jika seseorang berfikir kolej itu diperuntukkan kepada masyarakat Islam sahaja atau bertujuan untuk mewujudkan perasaan pengasingan antara dua masyarakat.²⁴⁷ Malahan, penubuhan kolej ini mendapat kerjasama yang baik daripada sebahagian besar masyarakat Hindu, tidak hanya sokongan moral malahan material. Manakala Jawatankuasa Pengurusan Kolej pada 1887M, terdiri daripada sebelas orang, tiga orang antaranya ialah Hindu.²⁴⁸

Dalam satu ucapan balas kepada ucapan terdahulu yang disampaikan oleh *Indian Association*, Lahore, Syed mengatakan seperti berikut:

²⁴⁵ Subjek yang diajar di M.A.O.C. ialah: (1) Bahasa: Inggeris & Arab (2) Sains Moral: (a) Logik, Retorik, Falsafah Mental dan Moral, (b) Ekonomi Politik, Falsafah Politik, Sejarah Sains, (3) Falsafah Semula Jadi : (a) Matematik, (b) Sains Semula Jadi, (4) Hukum Islam, Undang-undang Islam dan Teologi. Lihat G.F.I Graham (1974), *The Life and Work of Syed Ahmed Khan C.S.I.*, h. 250. Pada 1920M, kolej ini menjadi *Aligarh Muslim University*.

²⁴⁶ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, hh. vi-vii.

²⁴⁷ *Ibid.*, h. 234.

²⁴⁸ Mereka ialah Babu Tota Ram Saheb, Babu Jogendra Nath Saheb dan Lala Lokman Das Saheb (*The Aligarh Institute Gazette*, 12 Julai 1887). Lihat Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 233.

*"The chief reason that induced me to found this college was, as I believe you are aware of, that the Muhammadans were becoming more and more degraded and poor day by day. Their religious prejudices had kept them back from taking advantage of the education offered by the government colleges and schools, and consequently it was deemed necessary that some special arrangement should be made for them. It can be illustrated like this. Suppose there are two brothers, one of them is quiet healthy while the other is ill and weak. Then it will be the duty of the other brother to help him towards his recovery. This was the idea which led me to the foundation of the Muhammadan Anglo-Oriental College. But I am glad to say that in this institution both brothers get the same education.....There is no distinction between Hindus and Muslims. Only that man may claim a prize who may get it by his own labour. Both Hindus and Musalmans are equally entitled to get scholarships and accorded the same treatment. I consider Hindus and Muslims like my two eyes. I don't even like to say this because people will generally differentiate one as the right eye and the other as left. I consider Hindus and Musalmans both as one and the same eyes. If I had only one eye, I could have compared them both with it. "*²⁴⁹

Petikan di atas jelas menunjukkan corak pemikiran Syed yang bersifat mementingkan perpaduan nasional India, tanpa mengira kepentingan kaum atau masyarakat Islam sahaja. Beliau tidak membawa pemikiran komunal dalam aktiviti dan penubuhan institusi yang beliau ketuai. Beliau seorang yang liberal, rasional, pembaharu yang mencerahkan, dan seorang negarawan yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap bangsanya.²⁵⁰

Syed seorang ahli politik yang paling disalah anggap, dalam politik India moden. Seseengah penulis India menggelari beliau sebagai seorang pemisah, manakala penulis Pakistan menganggap beliau sebagai bapa kepada teori dua negara (*Two Nation Theory*), dengan itu dia dianggap orang pertama yang

²⁴⁹ Syed's Lecture, *Majmua Lectures*, dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 234.

²⁵⁰ *Ibid.*, h. x.

mencetuskan idea Pakistan.²⁵¹ Mengikut kajian Shan Muhammad, daripada tulisan yang didapati, anggapan oleh kedua-dua pihak di atas mengenai Syed, tidak tepat kerana tidak berdasarkan kepada bukti yang kukuh. Adalah tidak tepat untuk menuduh Syed mengamalkan komunalisme dan pemisahan. Beliau memandu masyarakat Islam dalam masa yang paling sukar dalam sejarah mereka, tetapi tidak pernah menumpukan pemikiran untuk membahayakan orang Hindu. Beliau tidak pernah mendakwa bahawa masyarakat Islam adalah masyarakat sebuah negara terpisah. Sebaliknya beliau sentiasa menganggap masyarakat Hindu dan Islam sebagai “dua mata” daripada satu induk India. Semua keterangan yang boleh didapati menunjukkan bahawa beliau adalah seorang nasionalis. Beliau seorang yang berpandangan sekular. Beliau menganggap India sebagai tanah airnya dan tidak pernah menganjurkan gerakan pemisahan.²⁵²

Penting untuk dicatatkan di sini, berkenaan dengan pemikiran politik beliau mengenai konsep negara dan nasionalisme. Beliau menggunakan terma negara

²⁵¹ Sir Muhammad Iqbal (1873-1938M), dalam ucapannya sebagai Presiden Muslim League di persidangan parti itu di Allahabad pada 1930M, telah membentangkan gagasan pembentukan sebuah negara Islam yang mengandungi Punjab, North West Frontier Province, Sind dan Baluchistan. Dalam ucapan dan tulisan beliau kemudiannya beliau menekankan masyarakat Islam perlu dianggap sebagai sebuah negara berdasarkan kesatuan bahasa, keturunan, sejarah, agama dan identiti kepentingan ekonomi. Iqbal tidak memberikan nama gagasan yang beliau cadangkan itu; perkara ini dilakukan oleh Chaudhari Rahmat Ali dan sekumpulan penuntut di universiti Cambridge yang mengeluarkan sebuah risalah bertajuk “Now or Never” pada 1933M. Mereka membangkang idea kesatuan, menafikan yang India sebuah negara tunggal, dan menuntut perpisahan ke dalam wilayah Barat Laut, dengan diberikan nama sebagai “PAKISTAN.” Nama ini dengan mencantumkan singkatan P daripada Punjab, A daripada Afghanistan (nama yang diberikan Rahmat bagi North-West Frontier Province), K daripada Kashmir, S daripada Sind, dan Tan daripada Baluchistan. (Apabila ditulis dalam Urdu, perkataan Pakistan tidak menggunakan huruf *I* di antara *K* dan *S*). Nama ini bererti “*The land of the Paks, the spiritually pure and clean.*”. Lihat “Bangla Desh Two Nations Concept, 1930-47.”

[http://www.workmall.com/wfb2001/bangladesh/bangladesh_history_two_nations_concept ...](http://www.workmall.com/wfb2001/bangladesh/bangladesh_history_two_nations_concept...)

22 Mac 2003, .

²⁵² *Ibid.*, h. xi.

(*nation*) untuk maksud rakyat. Semua orang India berasal daripada satu negara. Manakala orang Eropah, mengikut pandangannya, dipunyai oleh satu bangsa berasingan. Beliau menggunakan perkataan “Hindu” dengan maksud yang luas. Seseorang yang tinggal di India adalah seorang “Hindu”. Mengikut perkiraan ini, beliau adalah pemimpin yang mencanangkan keidealan satu negara [*One nation Theory*]. Mengikut pandangannya, mana-mana agama tidak memperlekehkan kepentingan perpaduan manusia. “Hindu” dan “Muslim” adalah denominasi agama. Beliau juga berpegang kuat kepada keidealan pelbagai budaya. Justeru, dalam salah satu ucapannya beliau berkata:

*“India is the native land of both Hindus and Muslims; both drink the holy water of the Ganges; both are of the same colour. Muslims have borrowed hundreds of customs from the Hindus; Hindus also acquired many habits from the Muslims. This process of assimilation gave birth to a new language, Urdu. Therefore, Hindu-Muslim unity is the primary condition for the welfare and progress of both.”*²⁵³

Seperti dinyatakan di atas, Syed adalah individu yang amat kontroversial dalam sejarah moden India, berdasarkan sikapnya terhadap *Indian National Congress (Congress)*. Daripada penentangannya terhadap *Congress*, beliau dirujuk sebagai seorang yang tidak patriotik dan memusuhi nasionalisme India, dan pada akhirnya berfahaman komunalisme. Berdasarkan kajian Shan Muhammad terhadap ucapan, penulisan dan surat menyurat, menyerlahkan bukti bahawa beliau bukan seorang anti-nasional juga bukan seorang komunalis. Pada pandangan beliau, gerakan *Congress* dimulai terlalu awal, masyarakat Islam masih mundur dalam pendidikan, begitu juga terhadap masyarakat lain. Semenjak peristiwa

²⁵³ Moin Shakir (1973), *Secularization of Muslim Behaviour*. Calcutta: The Minerva Associates, h. 8.

Pemberontakan beliau menumpukan segala tenaganya untuk meletakkan asas yang baik terhadap kekurangan pendidikan masyarakat Islam, malahan semenjak 1887M lagi, beliau merasakan mereka masih berada pada tahap kereta sorong.²⁵⁴ Justeru, Syed merasakan, kedudukan kedua-dua masyarakat Hindu dan Islam, jauh berbeza. Masyarakat Hindu telah menikmati lebih kurang satu abad kesenangan dan pendidikan, dan masyarakat Islam telah mengalami satu abad penekanan dan pengabaian. Kedua-duanya tidak boleh memberi respons kepada situasi yang sama. Bagi Syed, mana-mana perjuangan politik di kalangan orang Islam akan mencacati bukan sahaja kemajuan mereka sendiri tetapi juga kemajuan orang-orang Hindu.²⁵⁵

Congress pada masa Syed, belum menjadi organisasi bagi seluruh India, seperti yang terjadi kemudian. *Congress* pada 1885M, telah menjadi institusi sebahagian besar orang Bengali berpendidikan Inggeris dan segelintir orang yang berpendidikan sama dari *Presidency Provinces*. Beliau tidak yakin seluruh India akan mendapat manfaat daripada *Congress*, kecuali orang Bengali dan segelintir yang lain yang menguasai kepentingannya.²⁵⁶ Di Bengal, Bombay dan Madras, pusat perniagaan British, golongan pertengahan ahli perniagaan (*Bourgeoisie*) dengan cepat berkembang, manakala di India Utara kelas ini belum muncul lagi.²⁵⁷ Orang Islam yang tinggal di sekitar tiga pelabuhan tersebut telah menyertai

²⁵⁴ Ketinggalan dalam bidang pendidikan dijelaskan dengan statistik pada peperiksaan tahunan Calcutta University pada 1887M, daripada 428 pelajar yang berjaya menamatkan Ijazah B.A., hanya 22 orang Islam, daripada 854 calon berjaya dalam Peperiksaan F.A. hanya 57 orang Islam, dan daripada 3,307 calon yang lulus Peperiksaan Kemasukan, hanya 245 orang Islam. Daripada keterangan ini, jelas menunjukkan pendidikan tinggi di kalangan masyarakat Islam amat sedikit. Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 226.

²⁵⁵ *Ibid.*, h. 226.

²⁵⁶ *Ibid.*

²⁵⁷ *Ibid.*

*Congress*²⁵⁸ pada masa yang sama mengembangkan *bourgeoisie* di kalangan mereka. Orang Islam di utara tidak memberi respons, kerana mereka belum lagi membentuk kelas *bourgeoisie* di kalangan mereka. Mereka masih lagi berada dalam sistem feudal dan memegang ideologi anti-demokrasi, manakala kelas pertengahan di kalangan orang Hindu telah mulai berfikir ke arah liberalisme Eropah. Oleh sebab itu, bagi Syed, kedua-dua tuntutan *Congress*, iaitu mengadakan peperiksaan secara persaingan di India dan pengenalan kepada perwakilan institusi, tidak menepati kepentingan pihak minoriti.²⁵⁹ Syed merasakan masyarakat Bengal yang berpengetahuan Inggeris cuba menyusup ke Barat Laut India, yang mana mengikut beliau, akan mengakibatkan kedudukan ekonomi yang parah bagi kedua-dua pihak; Hindu dan Islam.²⁶⁰

Dengan tindakan tersebut, Syed bukan cemburu terhadap orang Hindu, tidak juga kerana hendak memperlahankan kemajuan mereka, tetapi adalah kerana beliau bimbang kenderaan sosial orang India, yang kedua-dua rodanya terdiri daripada orang Hindu dan Islam, akan hilang keseimbangan dan kesetaraannya di sebabkan oleh kerencatan pertumbuhan mana-mana satu pihak. Beliau menghendaki “kedua-dua mata” ibu pertiwi akan bersinar cerah dengan mendapat penghormatan yang sama dan cemerlang.²⁶¹

²⁵⁸ *Ibid*, hh. 226-227. *Congress* pertama dihadiri oleh dua orang Islam, kedua oleh 33 orang, dan *Congress* ketiga dipengerusikan oleh seorang Islam.

²⁵⁹ *Ibid.*, h. 227. Perkataan minoriti di sini digunakan dalam konteks lebih luas, yang mana telah memasukkan golongan Rajput, Parsi di kalangan kumpulan minoriti.

²⁶⁰ *Ibid*. Ucapan di Meerut, 16 Mac 1888M.

²⁶¹ *Ibid*. Ucapan di Patna, 27 Januari 1883M, dalam kumpulan ucapannya yang dinamakan *Majmua Lecture*. Juga ucapan beliau di Amritsar, 26 Januari 1884M.

Syed tidak menyertai *Congress* bukan kerana penentangan terhadap orang Hindu Bengal, tidak juga atas sebab pengaruh British yang kuat pada diri beliau, seperti yang cenderung dipercayai oleh sesetengah penulis. Petikan berikut boleh menjelaskan pendirian beliau. Dalam suratnya kepada *Pioneer*²⁶² beliau dengan jelas menyatakan:

*"That the government will show special favour to those who oppose the Congress party is too ridiculous...and if anyone has joined the opposition with that end in view, that man, I do not hesitate to say, is a mean, contemptible wretch. Our desire to see the British government firmly established in India is based upon our conviction that its strength and continuance are essential to the peace and well-being of the country, and the support which we accord to our present rulers is entirely the outcome of our love for our fellow-countrymen. I assure Mr. Hume that even if I heard that Auckland Colvin, Lord Dufferin, the Secretary of State for India and the whole House of Commons had declared in favour of the Congress, I should remain as firmly opposed to it as ever...it is my deliberate belief that, should the resolution of the National Congress be carried into effect, it would be impossible for the British Government to preserve peace in India, or control in any degree the violence of the civil wars that should ensue."*²⁶³

Dalam surat lain kepada *Pioneer*, beliau menjelaskan kedudukannya seperti berikut:

"I did not believe the Bengalis to be really disloyal to the Government, although they have adopted extremely bad methods as regards public affairs. I have no animosity against the Congress-wallahs that I should undertake the work of trying to have them arrested by the criminal courts. Their opinions and ours are different. We believe that what they want is very harmful for

²⁶² Syed tidak begitu mahir dalam bahasa Inggeris, tetapi artikelnya disiarkan oleh penerbitan berbahasa Inggeris pada masa itu seperti *Pioneer* dan *Statesman*, kerja terjemahan daripada bahasa Urdu ke bahasa Inggeris dilakukan oleh anaknya dan orang lain. Lihat "Dawn the Internet, Karachi: Tribute Paid to Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 9 Januari 2003.

²⁶³ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, hh. 227-228. Surat kepada editor *Pioneer*, 8 November 1888M (disiarkan dalam *Pioneer* pada 10 November 1888M).

Mohammedans, for Rajputs, for other nations (Sic) of the Hindus and specially for the peace of the country..... " ²⁶⁴

Bekas Perdana Menteri India pertama, Jawaharlal Nehru amat tepat memberi pandangan mengenai Syed dengan berkata, "*Syed Ahmad was not oppose to the National Congress because he considered it predominantly a Hindu Organization; he opposed it because he thought it was politically too aggressive.*"²⁶⁵ Syed berpendapat orang Hindu setengah abad lebih maju daripada orang Islam dalam pendidikan Barat, mampu mengkritik kerajaan, tetapi tindakan sedemikian tidak dapat dilakukan oleh pihaknya kerana ia akan membahayakan gerakan pendidikan yang menerima bantuan kewangan daripada kerajaan British. Seterusnya seperti kata Jawaharlal Nehru lagi: "*Syed's decision to concentrate on Western education for Muslims was undoubtedly a right one, without that they could not have played any effective part in the building up of Indian Nationalism...*" ²⁶⁶

Syed berpendapat, perkara yang paling diperlukan oleh masyarakat Islam pada zaman itu ialah sokongan kerajaan British bagi meningkatkan taraf hidup dan penerimaan pendidikan Barat bagi kemajuan mereka. Atas pandangan ini, beliau menentang mana-mana bentuk pertubuhan politik termasuk yang ditubuhkan oleh Hakim Ameer Ali dari Calcutta, iaitu *National Muhammadan Association* pada 1877M. Bagi menyatakan pandangan beliau yang tidak bersetuju terhadap

²⁶⁴ *Ibid.* Surat kepada editor *Pioneer*, 24 November 1888M (disiarkan pada 26 November 1888M). Perkataan 'nation' perlu ditanda dalam surat ini. Beliau menganggap orang Hindu, Islam, Rajput, Parsi, Kristian juga negara yang ketara bermaksud masyarakat yang membentuk satu bangsa.

²⁶⁵ *Ibid.*, h. 228.

²⁶⁶ *Ibid.*, h. 229.

persatuan tersebut, beliau mengutus sepucuk surat kepada sahabatnya Moulvi Niaz Muhammad Khan, dengan menyatakan sebab ketidaksetujuan beliau bahawa tidak kena bagi orang Islam untuk menganjurkan pertubuhan penentangan politik,²⁶⁷ pada masa mereka berada dalam keadaan lemah yang faedahnya tidak akan berpihak kepada mereka.

Sebab lain penentangan beliau terhadap *Congress*, ialah kerana beliau tidak percaya ia merupakan badan perwakilan yang mewakili seluruh masyarakat India. Pandangan beliau ini juga disokong oleh beberapa orang tokoh masyarakat India yang lain seperti Raja Oday Pertap Singh dari Bhinga dan Sir Salar Jung. Raja Oday dalam sebuah tulisannya mengatakan “suatu pertemuan yang 90% penduduknya tidak ikut serta tidak boleh dinamakan sebagai kongres nasional, kerana ia tidak mewakili anasir nasional keseluruhannya.”²⁶⁸

Pada Jun 1897M, Syed mengatakan bahawa orang Islam tiada kepentingan untuk menyertai perjuangan *Congress*, walaupun ada perbezaan dalam pandangan politik mereka, kedua-dua masyarakat ini mestilah hidup dalam keadaan aman dan damai.²⁶⁹ Kata-kata ini dengan jelas menunjukkan bahawa beliau menentang penyertaan masyarakat Islam dalam *Congress*, tetapi tidak menentang masyarakat Hindu. Malahan ingin melihat kedua-dua masyarakat ini hidup harmoni saling hormat menghormati.

²⁶⁷ *Ibid.*

²⁶⁸ *Ibid.*

²⁶⁹ *Ibid.* h. 233.

Mengenai hubungan keagamaan antara satu sama lain, Syed berpendapat, manusia adalah manusia, dan merupakan makhluk ciptaan Tuhan. Agama adalah urusan peribadi masing-masing, yang tidak ada kena mengena dengan hubungan antara sesama manusia, walaupun daripada berlainan kepercayaan. Pada 1860M, apabila berlaku kebuluran yang teruk di Wilayah Barat Laut, Syed dilantik sebagai petugas di kem bantuan daerah Moradabad oleh John Strachey, Pemungut Hasil daerah tersebut. Dalam tugas itu beliau menghulurkan bantuan kepada semua orang tanpa memilih bulu, sehinggakan Raja Jai Kishan Dass yang tidak pernah bertemu muka dengan Syed sebelumnya dan telah ada prasangka buruk terhadapnya selepas penerbitan *The Loyal Mahomedans of India* telah berubah perasaannya terhadap Syed dan menjadi penyanjung utama beliau.²⁷⁰

Untuk mengetahui pandangan yang diperkatakan oleh seseorang tidak lengkap, jika tidak dilihat kepada apa yang diamalkannya. Sama ada Syed seorang pengamal komunalisme ataupun tidak, dapat dilihat pada pengambilan pelajar di Kolej *M.A.O.* Beliau sekali-kali tidak meletakkan kuota kemasukan atau dengan cara-cara tertentu menghalang kemasukan orang Hindu. Seperti dinyatakan di atas, beliau tidak memusuhi orang Hindu, ternyata masyarakat ini bebas memohon untuk memasuki Kolej *M.A.O.*, tanpa ada sekatan apa-apa apabila telah memenuhi syarat yang ditetapkan. Kriteria kelayakan masuk bukan terhenti kepada kaum dan agama, tetapi kelayakan yang terpakai untuk semua pemohon, tanpa mengira kaum, agama atau kepercayaan. Beliau tidak pernah mengehadkan kemasukan para pelajar Hindu, malahan apabila ada di antara mereka yang meninggalkan kolej beliau

²⁷⁰ *Ibid.*

secara jujur menyatakan kekesalannya. Apabila Satish Chandra Banerji, seorang pelajar tahun tiga, meninggalkan kolej kerana pertukaran kerja bapanya, Syed menulis dalam *Aligarh Institute Gazette* pada 14 Mei 1889M, memujinya sebagai seorang pelajar, dan berkata yang beliau amat gembira setelah mendengar ia berjaya untuk memasuki Kolej Agra.²⁷¹ Malahan, atas dasar murah hati dan simpatinya, selepas 1888M, pelajar Hindu lebih ramai daripada pelajar Islam yang diterima masuk di kolej. Statistik pada 1897M menunjukkan, daripada lima orang calon lulus Peperiksaan *LL.B.*, tiga di antaranya ialah pelajar Hindu.²⁷²

Jadual di bawah menunjukkan, perbezaan ketara pelajar Hindu mengatasi pelajar Islam terjadi pada tahun 1885-1887M.²⁷³

Tahun	Pelajar Hindu	Pelajar Islam
1880	7	8
1881	8	8
1882	13	14
1883	13	14
1884	33	34
1885	30	19
1886	27	23
1887	33	19
1888	30	39

Kakitangan kolej pada 1886M, daripada enam orang guru empat adalah Hindu,²⁷⁴ manakala pada 1894M, dua orang Hindu daripada tujuh orang guru

²⁷¹ *Ibid.*, h. 234.

²⁷² *Ibid.*, h. 235.

²⁷³ *Ibid.*

²⁷⁴ *Ibid.* (Nama guru Hindu ialah: Babu Bhawani Chandra, Babu Bakhtawar Lal, Babu Asu Bose Bhattacharya, Babu Amya Prasad).

India.²⁷⁵ Kolej juga menganugerahkan biasiswa kepada pelajar cemerlang berdasarkan merit, sama ada pelajar Hindu atau Islam.²⁷⁶ Kadangkala *Aligarh Institute Gazette* mengumumkan pemberian hadiah khas kepada pelajar bukan Islam yang mendapat tempat pertama dalam peperiksaan. Salah satu pengumuman yang disiarkan dalam *Aligarh Institute Gazette* seperti berikut:

*"Notice is hereby given to the Hindu Students of the B.A. class of the Muhammadan Anglo-Oriental College that the Hon'ble Syed Sir Syed Ahmad Khan Bahadur will award a gold medal out of his own pocket to the Hindu student who may pass the approaching B.A. Examination in the first Division."*²⁷⁷

Syed adalah seorang insan yang mempunyai daya pemikiran bernas yang melihat masa depan dengan penuh keyakinan. Beliau orang yang menentang prasangka buruk yang tidak rasional daripada masa lalu yang beliau sifatkan sebagai membantut kemajuan sesebuah masyarakat. Beliau sangat ingin melihat masyarakat Islam bebas daripada prasangka demikian; demikian juga beliau ingin melihat masyarakat Hindu juga membuang prasangka demikian. Oleh itu, beliau menggalakkan orang Hindu India pergi ke seberang laut dan beliau sangat gembira apabila dua orang Hindu; Lala Amai Shanker dan Lala Shambu Dayal membuat keputusan pergi ke England. Beliau juga menulis rencana menentang

²⁷⁵ *Ibid.* (Nama guru ialah Babu Jadu Chandra Chakrawarti dan Pt. Shiv Shankar. J.C. Chakravarti sehingga hari ini terkenal sebab buku Aritmetikanya. Beliau menerima gaji paling tinggi di antara tujuh orang guru).

²⁷⁶ *Ibid.*, h. 236. Bagi menggalakkan kedua-dua pelajar Hindu dan Islam, pada 1881M, mengadakan pertandingan penulisan esei, dua hadiah disediakan masing-masing bernilai Rs.25/- dan Rs.15/- untuk diberikan kepada penulis esei terbaik pertama dan kedua. Roshan Lal, seorang pelajar tahun III telah menulis esei terbaik dan memenangi tempat pertama. (hal ini dirakamkan dalam *Aligarh Institute Gazette*, 12 Februari 1881).

²⁷⁷ *Ibid.*

dasar tidak boleh disentuh terhadap sebahagian masyarakat India dan menggesa orang Hindu meninggalkan perbezaan kasta jika mereka benar-benar ingin maju.²⁷⁸

Buat beberapa tahun Aligarh menghadapi masalah rusuhan komunal, berbangkit daripada sambutan awal Muharram dan perayaan Ram Lila jatuh pada tarikh yang sama. Pada 1887M, keadaan yang disebutkan berlaku, tetapi upacara berjalan secara licin, atas daya usaha Syed menyeru masyarakat Hindu dan Islam menyambut dan merayakannya secara aman. Beliau juga menasihatkan mereka supaya tidak mengikut perasaan dan tidak mengambil tindakan sendiri yang boleh menyebabkan pertumpahan darah, hal itu bukan merupakan ajaran agama masing-masing. Berterima kasih kepada seluruh masyarakat Islam, Kuar Lakshmi Narain Dubey berkata: "*It is a pleasure to notice that a great impetus to enlightenment and toleration has been infused in the Mohomedan community of late and this is due mostly to our distinguished countryman and citizen the worthy Honorable Syed Ahmad Khan K.C.S.I.*"²⁷⁹

Syed mencadangkan kepada masyarakat Islam supaya meninggalkan penyembelihan lembu dan beliau menulis dalam *Institute Gazette* seperti berikut:

*"It will be proper for the Muslims to drop such rites, if by leaving such rites more Hindu-Muslim cooperation can be achieved. Unity is far more valuable and worthy of achievement than this small right. The tradition of sacrifice, according to religion, does not depend on cow slaughter. This tradition can well be maintained without any damage to religion by sacrificing goats and sheep."*²⁸⁰

²⁷⁸ *Ibid.*, hh. 236-237.

²⁷⁹ *Ibid.*, h. 237.

²⁸⁰ *Ibid.*

Pada satu perayaan *ʿĪd al-Aḏḥā*, sebahagian pelajar kolej telah membeli seekor lembu untuk dikorbankan di kawasan kolej. Syed mengetahui perkara itu dan beliau menghantar seseorang untuk berjumpa pelajar. Lembu dibawa keluar dan dipulangkan kepada tuannya.²⁸¹ Mengenai pencegahan menyembelih lembu di kawasan kolej beliau berkata: "*I have repeatedly given my community to understand that it is a folly to annoy our Hindu brothers by resorting to cow-slaughter. If friendship can be established between us, then this is far better than cow-slaughter.*"²⁸²

Syed telah menulis rencana yang panjang mengenai perhubungan antara Hindu-Muslim yang terbit pada tahun 1897M. Rencana tersebut bertajuk "*Hindu-Muslim Relation*" yang mana beliau menyatakan amat gembira kerana dapat melihat perkembangan yang menggalakkan mengenai perasaan saling memahami antara satu sama lain, pergaulan sosial yang bersifat persaudaraan dan kasih sayang antara kedua masyarakat. Beliau menulis: "*I have frequently said that India is a beautiful bride and Hindus and Muslims are her two eyes. Her beauty lies in the proper safety of these two eyes. If one of them is lost, this beautiful bride will become ugly and one-eyed...*"²⁸³

²⁸¹ *Ibid.*

²⁸² *Ibid.*

²⁸³ *Ibid.*, h. 238. Beberapa tahun terdahulu dalam satu syarahan beliau di Patna juga beliau membuat kiasan yang sama bagi menekankan mengenai persahabatan antara Hindu-Muslim. Beliau telah berkata: "*My dear friends, I have repeatedly said, and once again say, that India is like a bride whose beautiful eyes are the Hindus and Muslims. If they discord among themselves, that dear bride will become defaced, and if one destroys the other, she will become one eyed. Hence, O dwellers of India, Hindus and Musalmans, you have the choice of making this bride either beautiful or ugly and one-eyed.*"

Beliau juga berpendapat, perbezaan agama yang wujud antara orang Hindu dan Islam, tidak boleh dijadikan halangan dalam pergaulan sesama mereka dan perasaan simpati terhadap satu sama lain. Begitu juga, perbezaan fahaman politik juga tidak boleh dijadikan halangan dalam mengekalkan hubungan akrab di antara keduanya...²⁸⁴. Seterusnya beliau berkata: "*Without any doubt, as I want friendship, unity and love between the two communities, in spite of religious distinction, similarly I want mutual co-operation, love, sympathy and brotherhood specially, without minding the political differences.*"²⁸⁵

Satu perkara menjadi kelebihan Syed ialah kerajinan beliau menulis isu semasa yang berbangkit yang disentuh oleh beliau secara jujur. Beliau menggunakan *The Aligarh Institute Gazette* sebagai lidah rasminya dalam menyampaikan pandangan beliau untuk masyarakat India keseluruhannya. Pada 1877M, sebuah persatuan Islam *Anjuman-e-Islamia* telah meminta pihak kerajaan Punjab memperuntukkan sebanyak lima puluh peratus peluang pekerjaan kepada orang Islam berdasarkan jumlah penduduknya. Kerajaan menolak permintaan tersebut, dengan berkata peluang pekerjaan disediakan untuk semua, tidak berdasarkan perbezaan agama, tetapi berdasarkan merit. Syed menghargai tindakan kerajaan itu, dan menulis sebuah rencana bertajuk "*Musalmans and Government Service*"²⁸⁶. Ini menunjukkan betapa prihatin beliau terhadap masyarakatnya dengan menegur melalui kritik yang membina: "*Indians, especially the Muslims, were in the habit of trying to get everything without attempting to acquire the*

²⁸⁴ *Ibid.*

²⁸⁵ *Ibid.*

²⁸⁶ *Ibid.*

*necessary capabilities.*²⁸⁷ Kesungguhan beliau untuk melihat perpaduan antara masyarakat Hindu dan Islam amat kuat, sehinggakan beliau terfikir untuk mencadangkan penghapusan semua perbezaan antara mereka supaya selamat dalam kehidupan beragama. Beliau menulis: *"It is our desire that between the Hindus and Muslims of India friendship, fraternal feeling and love...may go on growing daily and such progress may be achieved in their mutual social relations that, except only in mosques and temples, the Muslims and Hindus be not distinguished."*²⁸⁸

Dari segi perniagaan beliau telah menasihatkan masyarakat Islam untuk tampil ke hadapan dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Tetapi beliau tidak menasihatkan mereka supaya merebut peluang perniagaan daripada tangan orang Hindu. Bercakap di Lucknow beliau berkata:

*"The internal business is in the hands of the Hindus, and the external has been taken over by the English. Let the business which the Hindus control be in their hands...try to acquire control over the business which is in the hands of the English people, from which they derive immense profit."*²⁸⁹

Ini menunjukkan betapa kuatnya rasa persaudaraan dan keprihatinan beliau dari segi hubungan perasaan kemanusiaan supaya sesuatu tindakan di pihak masyarakat Islam tidak melukakan saudaranya dari kalangan masyarakat Hindu. Toleransi yang tinggi juga dapat ditafsirkan daripada tindakan beliau melarang para pelajar Aligarh supaya tidak menyembelih lembu, tetapi diganti dengan kambing atau biri-biri, sekalipun bagi maksud ibadat korban pada *'Īd al-Aḏḥā*.

²⁸⁷ *Ibid.*, h. 239.

²⁸⁸ *Ibid.*

²⁸⁹ *Ibid.*, hh. 239-240.

Semasa beliau melawat Punjab pada Januari 1884M, beliau telah diberi sambutan dan ucapan alu-aluan yang hangat dan ucapan balas beliau juga dengan nyata menunjukkan penghormatan dan keyakinan yang beliau peroleh dari kedua-dua pihak; Hindu dan Islam. Di Amritsar, pelajar daripada kedua-dua masyarakat ingin memberi penghormatan kepada beliau dengan menarik kenderaannya dari stesen kereta api ke rumah tetamu, tetapi beliau menolak penghormatan itu dengan ucapan terima kasih.²⁹⁰

Persatuan India Lahore dalam ucapan alu-aluannya menyatakan:

*"Not the least remarkable feature of your public career has been the breadth of your views and your liberal attitude towards sections of the community other than your coreligionists. Your conduct through has been stainless of bias or bigotry. The benefits of the noble educational institution you have established at Aligarh are open alike to Hindus as well as Muhammadans. Our unhappy country are so split up with petty religious and sectarian jealousies and has suffered so much in the past from sectarian and religious dissention that the advent of a man of your large-hearted and liberal views is a matter of peculiar congratulation at this time. Long may you be spared to inculcate knowledge among Muhammadans and Hindus alike, and, by eradicating prejudice and bigotry from their minds, to unite them in the firm bonds of fraternal union."*²⁹¹

Akhbar Tribune juga mencatatkan dalam lidah pengarangnya:

*"Religious prejudices are the great stumbling block in the way of brotherly feeling between the two mighty sections of the people; but liberal thought and liberal training have been at work, and we have already seen many apostles among the Hindus who have made it the mission of their life to preach the development of that feeling. The Muhammadans are more conservative in this respect, and it, therefore, give us infinite pleasure to find that there is at least one great man among them who does not yield to any one in large-minded patriotism."*²⁹²

²⁹⁰ G.F.I. Graham (1974), *Op. cit.*, h. 338.

²⁹¹ Majmua Lectures and Speeches, Syed Sir Syed Ahmad Khan dalam Shan Muhammad (1969),

op. cit., h. 240.

²⁹² *Ibid.*, h. 241.

Dari segi kerajaan yang mempunyai perwakilan di India, Syed berpendapat bahawa masyarakat majoriti mungkin memerlukan kawalan yang kekal terhadap masyarakat lain. Tetapi jauh sekali daripada menuntut kawasan pemilihan berasingan, dan beliau tidak pernah mencadangkan bahawa masyarakat Islam perlu ada negeri berasingan bagi mereka. Adalah suatu gejala semula jadi sesebuah masyarakat yang pendidikan dan ekonominya maju akan mendapat peluang politik lebih teratur daripada masyarakat yang mundur. Beliau tidak membangkang Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan Sendiri (*Local Self Government Bill*) tahun 1883M. Malahan, beliau mengundi menyokong, mengalu-alukannya dan berkata:

"I very proudly but humbly support this fine proposal from the very core of my heart. I am happy that I have lived to see the day when India is about to learn the principles of "Self help" and "Self Government", from its rulers who have created representative institutions in England and have made their country great among the nations of the world." ²⁹³

Bagi maksud ini, beliau mengingatkan kerajaan bahawa sistem perwakilan dalam bentuknya yang sebenar tidak dapat dilaksanakan di negeri seperti India, di mana hidup berbagai masyarakat yang berlainan latar belakang antara satu sama lain baik dari segi agama, masyarakat, politik, ekonomi, pendidikan mahupun dari segi bilangannya. Beliau juga berpendapat, bahawa tidak ada mana-mana bahagian di India yang telah sampai kepada satu tahap di mana sistem perwakilan boleh dilaksanakan dalam bentuknya yang sebenar, walaupun dilaksanakan di peringkat tempatan. India, sebuah benua tersendiri, didiami oleh ramai penduduk daripada berbagai keturunan dan kepercayaan; ketegasan institusi agama memisahkan

²⁹³ *Ibid.*

sesama jiran; sistem kasta masih menguasai dan kuat....satu masyarakat mungkin dari segi angka lebih besar dari yang lain, dan standard pencerahan yang satu masyarakat telah capai boleh jadi lebih tinggi daripada yang di capai oleh masyarakat terbanyak lain. Satu masyarakat boleh jadi penuh sedar akan kepentingan mengemukakan perwakilan, menduduki lembaga tempatan dan majlis daerah, manakala yang lain boleh jadi mengabaikan sepenuhnya perkara seperti itu....²⁹⁴

Kegiatan Syed meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam, tidak menampakkan beliau bersikap semata-mata untuk masyarakat Islam atau berbentuk eksklusif. Beliau berkawan rapat dengan golongan Hindu selama hidupnya. Nama-nama golongan Hindu yang turut menyumbang kepada penubuhan Kolej *M.A.O.* (sekarang *Aligarh Muslim University*) terpahat pada plak marmar (*marble plaque*) di Strachery Hall *A.M.U.* Satu lagi bukti menunjukkan bahawa beliau bukan seorang pengamal komunal dan tidak juga bersikap komunal dalam ucapan dan tulisannya. Seorang Hindu, Govind Ballah Pant, "*rightly maintained that in spite of his ardent loyalty to, and faith in, the British government Syed was not a communalist.*"²⁹⁵

²⁹⁴ *Ibid.* hh. 241-242.

²⁹⁵ *Ibid.* h. 247.

Di samping tidak bersifat dan bersikap komunal beliau juga seorang yang berfahaman sekular²⁹⁶ yang rasional. Perkara ini diketahui di kalangan rakan-rakannya.

Dari segi hubungan kaum, Sir John Strachey menyebut, tiada orang yang dapat memberi lebih daripada apa yang Syed berikan melalui tindakannya, terhadap orang-orang Hindu. Beliau lebih mementingkan patriotisme terhadap seluruh masyarakat India. Justeru, dalam dirinya tidak ada perasaan hasad dengki terhadap masyarakat Hindu. Berfahaman liberal, sekular dan patriotik menjadi polisi dirinya dalam keseluruhan hayatnya.²⁹⁷

Beliau adalah antara orang pertama mencadangkan kemasukan orang India ke dalam Majlis Perundangan (*Legislative Council*), dan apabila perkara ini tercapai beliau berkata:

*"My fellow countrymen, I believe that the decision of Parliament that the natives of India should be eligible for seats in the Legislative Council of India has come as a greater pleasure to me than probably to anyone else in the country....Remember my prophecy that the day is not far off when the Council will be composed of representatives from every district and the day will come when you yourself will make laws and execute them as well."*²⁹⁸

²⁹⁶ "held the view that a good government has nothing to do with religion. And genuine religion is not concerned with worldly affairs. Religion, of course, prescribes certain principles which are more ethical than theological. The main purpose of religion is spiritual reform... This separation of religion from politics is a great contribution not only to politics but also to the development of Islamic polity in India. To, a good government should not interfere with the religious life of the people. At the same time he maintained that the people are not required to accept the religious beliefs of the ruler." Lihat Moin Shakir (1973), *op. cit.*, h. 6.

²⁹⁷ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 247.

²⁹⁸ *Ibid.*, h. 248.

Pandangan Syed mengenai kemunduran masyarakat Islam, hanya akan dapat dipulihkan seperti sebelum kejatuhan mereka, ialah dengan tetap setia kepada kerajaan, dan atas dasar ini beliau malahan menentang Gerakan Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh. Penentangan beliau bukan kerana kurang semangat persaudaraan Islam tetapi hakikat politik yang berlaku kepada negara Islam pada masa itu. Beliau mengatakan kepada Theodore Morrison:

"When there were many Muslim kingdoms, we did not feel much grief when one of them was destroyed; now that so few are left, we feel the loss of even a small one. If Turkey is conquered that will be a great grief, for she is the last of the great powers left to Islam. We are afraid that we shall become like Jews, a people without a country of our own." ²⁹⁹

Ini menunjukkan bahawa pegangan beliau mengenai penglibatan orang Islam dalam pergerakan politik amat konsisten.

Seandainya Syed masih hidup lima puluh tahun kemudian, beliau pastinya menentang idea pemisahan antara dua masyarakat, kerana beliau menentang cara teokratik melihat persoalan politik, dan beliau sentiasa teguh menganjurkan toleransi dan menentang hasutan agama, fahaman mazhab sempit dan fanatik.³⁰⁰ Beliau seorang nasionalis - bukan komunalis - yang cintakan bangsanya tanpa mengira agama dan keturunan dan pencinta keamanan yang selalu menyeru semua kaum hidup saling hormat menghormati antara satu sama lain. Usaha beliau untuk mengemukakan tafsiran moden terhadap Islam ditentang oleh semua pihak

²⁹⁹ Theodore Morrison, "Muhammadan Movements", (article published in Political India 1931-1932), (ed.) (1932) dalam Shan Muhammad (1969), h. 249.

³⁰⁰ *Ibid.*

masyarakat Islam yang dibesarkan dalam suasana tradisional, konservatif dan taklid.³⁰¹ Walaupun tidak semua yang dianjurkan beliau sempurna, pastinya Syed adalah seorang Islam terbesar yang dihasilkan oleh abad ke-19.³⁰²

4.2 Pemikiran Mahatma Gandhi Mengenai Komunalisme

Mahatma Gandhi seorang tokoh pejuang kemerdekaan India yang memulakan penglibatannya dalam politik di Afrika Selatan bermula pada 1893M, kemudian diteruskan di India pada 1914M, sehingga India mencapai kemerdekaan pada 15 Ogos 1947M, dan setahun selepas itu. Tokoh yang terkenal dengan dasar perjuangannya tanpa menggunakan kekerasan, banyak di bincang dan ditulis mengenainya. *Satyagraha* dan *Ahimsa* adalah antara falsafah perjuangan Gandhi yang disanjung dan juga ditentang oleh masyarakat Hindu dan juga Islam. Beliau amat bertoleransi dan mencuba sedaya upaya merenggangkan ketegangan komunal antara dua masyarakat majoriti dan minoriti terbesar India, iaitu Hindu dan Islam. Malahan Gandhi enggan memperjuangkan kemerdekaan sepenuhnya selagi perpaduan Hindu dan Islam tidak tercapai sepenuhnya.³⁰³ Kerana usahanya yang

³⁰¹ *Ibid.*, h. 253.

³⁰² *Ibid.*, h. 256.

³⁰³ Gandhi mengatakan: "*Let us understand our limitation. Let Hindus and Muslims have absolute, indissoluble unity. Who is here who can say with confidence: Yes, Hindu-Muslim unity has become an indissoluble factor of Indian Nationalism?*" . Lihat Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 189.

gigih beliau dituduh oleh segelintir tokoh Hindu³⁰⁴ sebagai lebih simpati kepada masyarakat Islam, manakala beberapa orang tokoh Islam menganggap Gandhi tidak konsisten dalam usaha menyatupadukan masyarakat Hindu-Islam, kerana telah dipengaruhi oleh beberapa orang tokoh ekstrem Hindu, seperti Malaviya dan Lajpat Rai.³⁰⁵ Sesetengah pemimpin Hindu memisahkan diri daripada perjuangan *Khilafat* bersama Gandhi dan berjuang dalam gerakan berasingan yang bertujuan membangkitkan semangat perjuangan di kalangan masyarakat Hindu.³⁰⁶ Namun, atas kepercayaan yang kental untuk melihat perpaduan di kalangan masyarakat Hindu-Islam, Gandhi dengan berani menempuh segala tentangan tanpa menghiraukan ancaman terhadap nyawanya.

Gandhi kembali semula ke India dari Afrika Selatan pada awal 1915M,³⁰⁷ setelah senggang masa sepuluh tahun. Beliau kembali ke India dengan pemikiran yang mantap setelah perjuangan beliau melalui *Satyagraha* menentang

³⁰⁴ *Ibid.*, h. 192. Seperti Malaviya, Lajpat Rai, Moonje dan Shraddhanand yang kemudian melancarkan gerakan Sangathan yang bertujuan mengumpul dan menyatukan masyarakat Hindu. Terutama, ia bertujuan menghilangkan imej Hindu sebagai pemakai dhoti yang pengecut dan menggantikannya dengan imej militan Hindu yang bersedia menggunakan apa cara yang patut bagi mengekalkan maruahnyanya dan masyarakatnya. Bagi maksud Sangathan, lihat G.R. Thursby (1975), *op. cit.*, h. 159.

³⁰⁵ Seperti Abdul Bari tokoh Ulama dan Muhammad Ali tokoh *Khilafat*. Lihat Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, hh. 198-199.

³⁰⁶ *Ibid.*, hh. 256-257. Malaviya pada Mac 1922M, kembali bergiat dalam *Hindu Sabha* (yang memberi bentuk organisasi terhadap politik komunalisme Hindu) dan *Shuddhi Sabha*. Beliau juga menghidupkan *Hindu Mahasabha*. Beberapa tahun kemudian beliau terlibat dalam beberapa persidangan menyokong pergerakan *Hindhu Sabha*, *Shuddhi* dan *Sangathan*. Pada pilihan raya daerah November 1926M, Malaviya menggunakan slogan komunal menentang Motilal Nehru (bapa kepada Jawaharlal Nehru), yang mencetuskan pergolakan komunal terutamanya di Allahabad dan menyebabkan kemerosotan ketara perhubungan antara masyarakat Hindu-Islam. Dengan cara tersebut beliau menghidupkan tradisi nasionalisme Hindu militan, yang mana diambil oleh *Rashtriya Swayamsevak Sangh (RSS)* dan *Jana Sangh* selepas merdeka.

³⁰⁷ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 64.

ketidakadilan melalui penggubalan undang-undang dan dasar diskriminasi kaum³⁰⁸ rejim Afrika Selatan beroleh kejayaan. Kejayaan beliau dicapai setelah beberapa kali masuk-keluar penjara.³⁰⁹ Dugaan yang beliau hadapi bukan sahaja terhadap pemerintah tetapi juga daripada kalangan orang India yang ada di Afrika Selatan. Beliau mulai merasa bahawa tidak semua gagasan beliau diterima oleh orang India Islam Afrika Selatan. Sebagai contoh, dalam perjalanan untuk mendapatkan sijil pendaftaran sebagai orang Asia di bawah *Asiatic Law Amendment Ordinance*, setelah persetujuan dicapai dengan pihak kerajaan, Gandhi telah dipukul oleh Mir Alam seorang keturunan Pathan, dan seorang pengikutnya yang tidak setuju dengan keputusan dan tindakan Gandhi untuk tunduk kepada undang-undang rejim, menyebabkan beliau rebah dan pengsan tetapi sebelumnya sempat menyebut nama tuhan!”³¹⁰

Selepas seminggu, Gandhi mengeluarkan kenyataan menenangkan dan meminta masyarakat India supaya tidak mendakwa penyerangnya. Tetapi pihak kerajaan telah mendakwa Mir Alam dan pengikutnya, kedua mereka didapati bersalah dan dihukum penjara tiga bulan dengan kerja berat.

³⁰⁸ *Ibid.*, hh. 51-52. Rejim Afrika Selatan di bawah pimpinan Jeneral Botha menekan penduduk Asia (kulit berwarna) melalui penggubalan undang-undang, antaranya Akta Asiatik (*Asiatic Act*) dan Akta Imigresen (*Immigration Act*). Undang-undang digunakan untuk menguatkan cengkaman pemerintahan orang Eropah ke atas orang bukan Eropah atas dasar diskriminasi kaum (*Racial Discrimination*).

³⁰⁹ *Ibid.*, h. 51. Gandhi dipenjarakan untuk penggal kedua setelah melancarkan *Satyagraha* tahap kedua. Selepas itu untuk tempoh empat tahun kemudian beliau menumpukan tenaganya dalam memperteguhkan dirinya dalam pergerakan yang beliau pimpin. Ketabahan, semangat waja, kemampuan mengorganisasi serta kepercayaan diri yang kuat terhadap apa yang diperjuangkan menyelamatkan beliau daripada kekalahan dalam perjuangannya.

³¹⁰ *Ibid.*, hh. 46-47.

Gandhi sudah mendidik jiwanya untuk merasa kasihan dan kasih sayang kepada bangsanya tidak kira daripada keturunan dan apa agama sekalipun. Latihan mental seperti ini kemudiannya banyak memberi manfaat kepada Gandhi dalam memperjuangkan gagasan politiknya di India. Pada masa ini perjuangan beliau melalui *Satyagraha* telah membangkitkan rasa ingin tahu dan minat yang mendalam di kalangan masyarakat di India. Beliau juga telah dikenal pasti sebagai seorang pemimpin politik masa depan India.³¹¹

Seperti Syed, Gandhi juga seorang yang setia kepada empayar British yang diisytiharkannya beberapa kali, dan atas kesetiaan itu beliau dianugerahi pingat emas *Kaiser-i-Hind*³¹² oleh kerajaan British pada tahun 1915M, setelah beliau berada di India. Beberapa tahun kemudian, Gandhi melibatkan diri memperjuangkan perlepasan Ali bersaudara³¹³ yang ditahan oleh pihak British atas perjuangannya dalam gerakan *Khilafat*.³¹⁴ Pada Disember 1917M, Gandhi memberi jaminan kepada perwakilan *Muslim League* bahawa orang Hindu akan bersama mereka dalam memperjuangkan perlepasan Ali bersaudara daripada tahanan British. Pada Januari 1918M, Gandhi meminta *Viceroy* melepaskan mereka. Tetapi *Viceroy* tidak menghiraukan permintaan beliau. Untuk itu pada Julai

³¹¹ *Ibid.*, h. 63.

³¹² *Ibid.*, h. 67.

³¹³ *Ibid.*, h. 98. Terdiri daripada Muhammad Ali dan Shaukat Ali dikenali sebagai "*The Ali Brothers*" yang mengetuai gerakan *Khilafat* menentang British.

³¹⁴ *Ibid.* Gerakan ini membangkitkan penentangan masyarakat Islam terhadap ancaman pembubaran empayar Turki dan pemansuhan Khalifah Turki yang dianggap sebagai pemerintah bagi masyarakat Islam seluruhnya. Gerakan ini menentang British yang disifatkan sebagai "pembelot Islam". Gandhi menyokong perjuangan Khilafat ini yang beliau anggap "sebagai peluang menyatukan dua masyarakat Hindu-Islam yang tidak akan datang dalam tempoh seratus tahun". Pembubaran empayar Turki oleh Pasukan Berikat membangkitkan sentimen dan emosi keagamaan di kalangan masyarakat Islam kerana mereka menganggap Sultan Turkey sebagai *Amir al-Mu'minin* [Pemerintah orang Beriman]. Lihat Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 132.

1918M, beliau mengumumkan keputusannya untuk menentang kerajaan atas isu di atas. Perjuangan melepaskan Ali bersaudara suatu beban amat berat, beliau menulis, “walaupun, saya tahu, tetapi ia tidak dapat tidak terpaksa dilakukan.”³¹⁵ Di samping mengenali Ali bersaudara, Gandhi juga mengenali para pejuang *Khilafat* pada masa itu, iaitu Abdul Bari, dan Ansari.³¹⁶ Gandhi dikatakan menghargai persahabatan beliau dengan para pejuang Islam ini atas kepentingan *Swaraj* [pemerintahan sendiri] yang telah beliau lancarkan. “*My interest in your release is quite selfish. We have a common goal and I want to utilise your services to the uttermost, in order to reach that goal. In the proper solution of the Mohammedan question lies the realisation of Swaraj*”.³¹⁷ Demikian isi surat Gandhi kepada Muhammad Ali pada 18 November 1918M. Gandhi yakin bahawa berpemerintahan sendiri hanya boleh dicapai jikalau orang Hindu dan Islam berjuang bersama; dengan demikian beliau mencurahkan segala tenaganya supaya lahir “perpaduan kekal” antara mereka.³¹⁸ Suara hatinya mengatakan kepadanya bahawa dua masyarakat berkenaan dapat bersatu sebagai saudara satu hari nanti kerana tidak ada lagi pilihan lain terbuka kepada mereka dan dengan itu mereka terpaksa menjadi seperti saudara.³¹⁹

³¹⁵ *Ibid.*, h. 113.

³¹⁶ *Ibid.* Setelah ketibaan saya di India [dari Afrika Selatan], Gandhi memberitahu mesyuarat *Khilafat*, “*I began to find out good Mohammedan leaders. My desire was satisfied when I reached Delhi, and found the Brothers Ali, whom I had the privilege of knowing before. It was a question of love at first sight between us. When I met Dr Ansari, the circle of Mohammedan friends widened and at last it even included Maulana Abdul Bari.*” Ucapan Gandhi mengenai *Khilafat*, Bombay, 9 Mei 1919M, *CWG (t.t.)*.

³¹⁷ *Ibid.*, h. 114.

³¹⁸ *Ibid.*

³¹⁹ *Ibid.*

Gandhi juga telah dipuji oleh Ansari sebagai pemimpin utama India yang memperjuangkan nasib orang Islam sebagaimana beliau memperjuangkan nasib orang Hindu.³²⁰ Program perjuangan tanpa kekerasan (*non-violence*) beliau telah dipersetujui oleh Mohamed Ali, yang menyebut beliau tidak pernah bertemu seseorang lebih hebat daripada Gandhi dalam mana-mana masyarakat.³²¹ Dengan sokongan daripada para pemimpin gerakan *Khilafat*, memberi kelebihan kepada Gandhi dalam menumpukan perjuangan menentang Rang Undang-undang Rowlatt atau *The Rowlatt Bills*.³²² Pada masa Gandhi melancarkan *Satyagraha* ini kedua-dua masyarakat Hindu-Islam bersama-sama menyertai mogok, yang mana pada masa ini perpaduan begitu terserlah sehinggakan mesyuarat yang diadakan di masjid Nakhoda dihadiri sama oleh orang Hindu.³²³ Lidah pengarang sebuah akhbar *Amrita Bazar Patrika* menulis, "*Though the Rowlatt Act sits like a dread nightmare on our breasts, it has united both Hindus and Mussalmans in a way which has never been witnessed.*"³²⁴

Kekuatan pemikiran Gandhi dalam mempersatukan dua masyarakat terbesar India pada masa yang sangat diperlukan begitu hebat sekali. Para pemimpin Islam

³²⁰ *Ibid.* Ucapan disampaikan oleh Ansari pada sesi *Muslim League*, Disember 1918M, berdasarkan kertas Ansari.

³²¹ *Ibid.*, h. 115.

³²² *Ibid.* Jawatankuasa Rowlatt memperakukan bahawa kerajaan mestilah mempunyai kuasa untuk melakukan tahanan timbangtara dan mengenakan hukuman pendahuluan terhadap kegiatan penekanan bercorak revolusi di setengah bahagian negeri. Seiringan ini satu undang-undang telah diperkenalkan dalam *Imperial Legislative Council* [Majlis Undangan Imperial pada Februari 1919M, dan telah diluluskan walaupun dibantah keras oleh semua anggota India dalam Majlis berkenaan. Pada 24 Februari, Gandhi memaklumkan kepada *Viceroy* mengenai keputusan beliau untuk melancarkan *Satyagraha* menentang Akta Rowlatt. Dua hari kemudian beliau menggesa seluruh rakyat India menyertai *Satyagraha*. Pada 6 April, *hartal* [mogok] telah diadakan di merata tempat dalam negeri.

³²³ *Ibid.*

³²⁴ *Ibid.*

di Punjab termasuk Mohammad Iqbal menyokong *Satyagraha* Gandhi. Demonstrasi yang dianjurkan di Lahore disertai oleh ramai masyarakat Islam. Begitu juga penyertaan orang Hindu dalam aktiviti yang dianjurkan oleh orang Islam seperti berlaku di Delhi, di mana Swami Shraddanand telah dijemput untuk memberi ucapan terhadap jemaah solat Jumaat di Masjid Juma.³²⁵ Begitu juga pemimpin Hindu dijemput memberi ucapan di Masjid Sonepur Bombay, dan Masjid Nakhoda di Calcutta.³²⁶ Masyarakat Hindu dan Islam di Patnakhali Bengal, menyertai sembahyang satu sama lain di masjid dan kuil tempatan dan bersetuju bekerjasama bagi mencapai tujuan *Home Rule*.³²⁷

Pada Mei 1919M di Bombay, Gandhi mengisytiharkan bahawa persoalan *Khilafat* adalah, "*the greatest of all, greater even than that of the repeal of the Rowlatt Act, for it affects the religious susceptibilities of millions of Muslims.*"³²⁸ Beliau menggesa masyarakat Islam membuat gerakan terus ke arah yang dikehendaki, kerana masa berlalu pantas, jika tidak, ia akan terlalu lewat untuk berbuat sesuatu.³²⁹ Secara umumnya, dengan mengambil berat isu *Khilafat*, Gandhi berharap ikatan perpaduan antara Hindu-Islam akan bertambah kuat yang beliau sifatkan sebagai, "*a thousand times more valuable than...our connection with the British.*"³³⁰

³²⁵ *Ibid*, h. 116.

³²⁶ *Ibid*, h. 131.

³²⁷ *Ibid*.

³²⁸ *Ibid.*, h.157.

³²⁹ *Ibid*.

³³⁰ *Ibid.*, h.158.

Bagi Gandhi perpaduan Hindu-Islam merupakan perkara utama dalam susunan keutamaannya. Ini ketara setelah beliau kembali ke India. Beliau berucap dan menulis secara ekstensif atas tajuk ini, di samping mendekatkan diri beliau dengan tokoh Islam berpengaruh bagi membolehkan beliau memahami kekhuatiran dan aspirasi mereka. Inisiatif seperti ini didorong oleh keinginan beliau yang tulus ikhlas untuk memberi sumbangan terhadap penyelesaian masalah komunal. Dengan membantu masyarakat Islam pada ketika mereka menghadapi musibah, Gandhi berharap dapat menamatkan perseteruan komunal, merapatkan persahabatan masyarakat Islam dengan Hindu, dan seterusnya mendapat sokongan mereka untuk sesuatu gerakan nasional. Beliau menulis pada tahun 1920M:

“Jika saya menjauhkan diri daripada persoalan Khilafat, saya akan menganggap diri saya telah kehilangan khazanah diri. Tugas tersebut adalah *dharma* saya yang *par excellence*. Sesungguhnya melalui *Khilafat* saya telah melaksanakan tiga tugas untuk dipersaksikan kepada dunia, maksud *ahimsa* yang sebenarnya, iaitu mempersatukan masyarakat Hindu dan Islam, dan hadir untuk berhubungan dengan satu dan semua....”³³¹

Peluang pertama Gandhi untuk memainkan peranan utama dalam gerakan *Khilafat* timbul pada Persidangan Muslim Seluruh India di Lucknow, pada 21 September 1920M. Beliau memberi sokongan terhadap usul mengadakan Hari *Khilafat* dan merayu kepada masyarakat seagamanya supaya menyertai masyarakat Islam dalam berpuasa, sembahyang dan mogok, dan dengan demikian beliau telah melakukan meterai suci atas ikatan Hindu-Muslim.³³² Gandhi melakukan demikian kerana beliau ingin menduga kekuatan sentimen masyarakat Islam terhadap

³³¹ *Ibid.*

³³² *Ibid.* (Surat kepada akhbar, 10 Oktober 1919M).

Khilafat, dan sejauh mana kesediaan mereka untuk berkonfrontasi dengan pihak kerajaan.³³³ Pada masa yang sama, beliau juga ingin menaksir sambutan masyarakat Hindu terhadap perjuangan *Khilafat* yang sangat penting kepada kejayaan gerakan itu sebagaimana kepentingannya terhadap perpaduan Hindu-Muslim. "*You are my neighbours and my countrymen*", beliau menyatakan kepada satu khalayak di Bombay, "*it is my duty to share your sorrows. I cannot talk about Hindu-Muslim unity and fail in giving effect to the idea when the test comes.*"³³⁴ Pada sambutan Hari *Khilafat* yang diadakan di Bombay, Gandhi berucap di hadapan lima belas ke dua puluh ribu orang Islam dengan berkata, "*You have the whole of India in your just struggle*".³³⁵

Atas rasa hormat terhadap Gandhi yang menganggap lembu sebagai binatang suci, *Muslim League* memutuskan supaya masyarakat Islam tidak mengorbankan lembu pada hari raya *ʿId al-Aḍḥā*.³³⁶

Pengaruh Gandhi tidak terhad kepada ulama atau orang Islam berpendidikan Barat, tetapi meliputi artis, pedagang, pekerja kilang dan para penenun Islam yang menyertai mogok. Kejayaan Gandhi ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, Gandhi mampu mengeksploitasi ketidakpuasan

³³³ *Ibid*, hh. 158-159. (Ini tercermin daripada ucapan Gandhi pada 18 September 1920M, yang mana beliau menyatakan bahawa pemerintah British yang pintar dan sedia mempertahankan pemerintahannya akan segera mentaksir "sama ada kita serius atau main-main". Dengan demikian beliau meminta pendengar Islam supaya "bertanyakan diri sendiri sama ada mereka betul-betul serius terhadap perkara yang penting itu....Adakah anda adil? Adakah anda ikhlas? Dugaan cukup mudah. *A sincere and true man is ready to sacrifice himself for a cause. Are you ready to sacrifice your ease, comfort, commerce and even your life?*" *Young India*, 20 September 1919M).

³³⁴ *Ibid.*, hh. 158-159. Ucapan Gandhi tentang *Khilafat*, 9 Mei 1919M.

³³⁵ *Ibid.*, h. 153.

³³⁶ *Ibid.*, h. 160.

hati rakyat terhadap polisi kerajaan British ke atas gerakan kekhalifahan Turkey. Kedua, kelesuan ekonomi akibat daripada Perang Dunia Pertama. Selepas perang, harga barangan keperluan melambung tinggi. Jadi, rasa tidak puas hati terhadap Akta Rowlatt dianggap sebagai *"a touchstone for a variety of grievances that would have otherwise remained quiescent."*³³⁷

Gandhi juga dikatakan orang yang berjaya menarik kemasukan ramai orang India yang bukan berpendidikan Inggeris, termasuk golongan "atas pagar" ke dalam perjuangan nasional yang sebelumnya dikuasai oleh golongan berpendidikan Inggeris. Kaedah mobilisasi massa yang digunakan oleh beliau mengandungi asas upacara keagamaan, simbol serta tradisi peribumi yang popular, mendapat sambutan menggalakkan, dan ia juga menarik penyertaan individu tertentu daripada pelbagai kasta, masyarakat, dan agama ke dalam pergerakan nasional.³³⁸

Seperti dinyatakan di atas perkenalan Gandhi dengan para pemimpin masyarakat Islam membolehkan beliau lebih memahami kepentingan institusi keagamaan, upacara, dan simbol di kalangan masyarakat Islam India. Dengan demikian, Gandhi tidak pernah mengabaikannya dalam perkiraan politik beliau seterusnya. Malahan, beliau menggunakannya secara bijak apabila keadaan memerlukannya. Tidak ada ahli *Congress* sebelum beliau yang membuat percubaan demikian, dan ini menerangkan mengapa tiada tokoh Hindu sebelum Gandhi yang dihormati dan berpengaruh seperti beliau, di kalangan masyarakat Islam. Tokoh

³³⁷ *Ibid.*, h. 117.

³³⁸ *Ibid.*, h.130.

lain seperti Aurobindo Ghose, Tilak dan Bipin Chandra Pal hanya memperkenalkan simbol dan upacara Hindu, justeru bukan mendekatkan orang Islam tetapi sebaliknya.³³⁹

Dalam usahanya menyatupadukan masyarakat Hindu-Islam, Gandhi terpaksa memilih menentang kerajaan British, walaupun terdapat isu yang tidak seluruhnya relevan kepada kepentingan India, seperti gerakan *Khilafat*. Tetapi bagi Gandhi, seorang pejuang politik yang berpengalaman dan bijak, meletakkan dirinya bersama gerakan *Khilafat* sudah tentu akan menarik sokongan masyarakat Islam terhadap perjuangannya, terutama gerakan *Satyagraha*. Dalam membincangkan tindakan yang bakal diambil sekiranya kerajaan British tidak dapat menyelesaikan persoalan *Khilafat*, Gandhi memperkenalkan idea tidak bekerjasama (*non-cooperation*). Memandangkan penggunaan senjata tidak berkemungkinan dan tidak diingini, oleh itu katanya, cara penentangan sebenar dan berkesan terhadap kerajaan British ialah dengan cara tidak memberi kerjasama kepadanya. Idea ini diterima dengan baik di kalangan massa.³⁴⁰

Pada Januari 1920M, satu perwakilan untuk membincangkan mengenai persoalan *Khilafat* yang disertai Gandhi menemui *Viceroy*, tetapi pertemuan ini tidak membuahkan hasil yang dikehendaki oleh perwakilan; manakala satu perwakilan yang dihantar ke Eropah telah diberitahu bahawa Turkey tidak dibenarkan menguasai negara bukan Turkey. Nampak jelas, tidak ada prospek

³³⁹ *Ibid.*

³⁴⁰ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, hh. 98-99.

berkompromi, Gandhi memulakan rancangan “tidak bekerjasama”nya yang disertai oleh para pemimpin Islam. Beliau menyatakan kepada para pemimpin Islam, jika mereka memilih beliau sebagai pemimpin mereka, mereka hendaklah mematuhi peraturan perjuangan Tanpa Kekerasan (*Non-Violence*) dan mengikutinya dengan patuh. Mereka boleh memecatnya apabila dikehendaki, tetapi sepanjang beliau menjadi pemimpin mereka, beliau yang menentukan sesuatu.³⁴¹

Para pemimpin Islam tiada kepercayaan terhadap perjuangan tanpa kekerasan sebagai prinsip etika; tetapi mereka memerlukan sokongan Gandhi dan sokongan massa yang beliau kuasai, justeru mereka bersedia berada di bawah perintahnya dan berikrar patuh terhadap prinsip dan polisi yang beliau perjuangkan. Bagi mereka aturan yang dibuat merupakan *opportunists alliance*. Gandhi percaya bahawa usaha yang beliau lakukan merupakan asas penyatuan masyarakat Hindu-Islam.³⁴² Gandhi mengorganisasikan, mengarah, dan mengetuai gerakan *Khilafat* mulai 1919M, dan seterusnya. Orang Islam serta pakatannya hanya mengikut kepimpinannya. Mereka mempunyai rancangan tersendiri tetapi tidak boleh diutarakan tanpa mendapat restu daripada Mahatma.³⁴³

Sebagai menyatakan sokongannya terhadap gerakan *Khilafat*, Gandhi telah mengutus sepucuk surat kepada *Viceroy* pada 1 Ogos 1920M, menyatakan penarikan balik kerjasamanya terhadap kerajaan British serta menyerahkan kembali pingat yang dianugerahkan kepadanya, dengan berkata, bahawa beliau tidak dapat

³⁴¹ *Ibid.*, h. 99.

³⁴² *Ibid.*, h. 100.

³⁴³ Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 7.

“memakainya dengan rasa yang tenteram, selama masyarakat Islam senegaranya terpaksa berjuang di bawah tindakan salah [pihak kolonial] terhadap sentimen agama mereka”. Gandhi mendakwa kerajaan British telah mengambil tindakan terhadap gerakan *Khilafat* “secara tidak berperikemanusiaan, tidak bermoral dan tidak adil.”³⁴⁴ Beliau juga memaklumkan kepada *Viceroy* bahawa beliau telah menasihati orang Islam untuk mengambil tindakan “tidak bekerjasama” terhadap kerajaan British. Dalam suratnya beliau antara lain mengatakan, “*I consider that as a staunch Hindu wishing to live on a closest friendship with my Mussalman countrymen, I should be an unworthy son of India if I did not stand by them in their hour of trial.*”³⁴⁵

Bagi membuat keputusan rasmi, sidang khas *Congress* diadakan di Calcutta pada September 1920M, untuk melancarkan program tidak bekerjasama yang Gandhi telah pun komited secara peribadi. Beliau juga memperakukannya sebagai cara menyatakan bantahan terhadap tindakan buruk British terhadap *Khilafat* dan insiden Punjab. Bagi Gandhi ini adalah *raison d’etre* nya.³⁴⁶

Peringkat pertama Program “*progressive non-violent non-cooperation*”, Gandhi mencadangkan pemulangan pingat dan darjah kebesaran yang dianugerahkan oleh British, penarikan kanak-kanak dan pelajar dari sekolah dan kolej kerajaan (mereka seharusnya dihantar ke “sekolah kebangsaan” yang wujud hanya atas kertas), memboikot mahkamah oleh para peguam dan litigasi (mereka

³⁴⁴ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 100.

³⁴⁵ Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 166.

³⁴⁶ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 100.

seharusnya mengemukakan kes mereka kepada timbang tara *Congress*), dan memboikot pilihan ke Majlis Undangan baru di bawah Reformasi Montagu-Chelmsford.³⁴⁷

Dalam situasi sedemikian, Gandhi juga menghadapi masalah untuk memujuk masyarakat seagamanya supaya menerima program “Tidak Bekerjasama”. Tugas ini berat bagi beliau. Di kalangan masyarakat Hindu, terdapat banyak kekhuatiran bahawa perjuangan *Khilafat* akan mengarah kepada keganasan. Perasaan bimbang ini berasas, kerana ucapan yang disampaikan oleh sesetengah ulama dan Ali bersaudara agak pedas. Seperti tulisan Srinivasa Sastri, “*The Khilafat Movement would lead to disaster. I picture the Mohammedans breaking out here and there in futile demonstrations.*”³⁴⁸ Tambahan lagi, keputusan Gandhi melancarkan program Tidak Bekerjasama, menyebabkan banyak ahli politik Hindu berada dalam keadaan serba salah yang serius. Walaupun mereka menyatakan sokongan lisan terhadap retorik *Khilafat*, mereka umumnya tidak bersedia menghadapi situasi yang mana mereka dikehendaki menyerahkan anugerah kehormat dan berhenti daripada pekerjaan. Bagi mereka, program Tidak Bekerjasama amat berat untuk ditunaikan hanya kerana kepentingan perpaduan Hindu-Muslim.³⁴⁹ Program tidak bekerjasama ini dapat diteruskan kerana sokongan kuat masyarakat Islam yang menyambut seruan Gandhi tanpa ragu-ragu. Ini termasuk meletakkan jawatan yang dilakukan oleh anggota polis Islam di UP,

³⁴⁷ *Ibid.*, h. 101.

³⁴⁸ Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 167.

³⁴⁹ *Ibid.*

Bengal dan Bombay.³⁵⁰ Penyerahan kembali pingat kehormat (*Honourary Magistracy*).³⁵¹ Beberapa orang pemimpin Islam turut mengembalikan darjah kebesaran mereka.³⁵² Para peguam Islam juga memboikot mahkamah dan berhenti daripada amalan guaman³⁵³ sebagai menunjukkan sokongan mereka terhadap Gandhi. Begitu juga pemilihan ke majlis undangan bagi kawasan masyarakat Islam diboikot terutama di kawasan bandar seperti Punjab, UP, Bengal dan Bombay.³⁵⁴ Ibu bapa Islam juga menarik keluar anak-anak mereka daripada sekolah dan kolej yang dimiliki atau menerima bantuan kerajaan British, termasuk *Muslim University Aligarh*.³⁵⁵

Pada awal 1921M, atas sokongan Gandhi terhadap gerakan *Khilafat*, masyarakat Hindu dan Islam telah bekerjasama yang tidak pernah berlaku sebelumnya, dan jika mereka tidak mempunyai tujuan bersama yang membina pun, mereka sekurang-kurangnya bersatu dalam penentangan terhadap pemerintahan British. Kesatuan Hindu-Islam yang dianggap oleh British sebagai bahaya yang paling besar terhadap pemerintahannya di India, nampaknya beransur terbentuk.³⁵⁶

Dalam usaha beliau menyatupadukan masyarakat Hindu-Islam, berlaku pemberontakan masyarakat Moplah pada bulan Ogos 1921M, di Malabar.

³⁵⁰ *Ibid.* h. 176. Bilangan anggota polis Muslim yang meletak jawatan masing-masing 31, 40 dan 17 di UP, Bengal dan Bombay.

³⁵¹ *Ibid.* Daripada 46 pingat, 22 daripada orang Islam.

³⁵² *Ibid.* Ajmal Khan mengembalikan Pingat Kelas pertama *Kaiser-i-Hind*, maulana Badruddin dari Phulwari dan Syed Ali Nabi menyerahkan gelaran Khan Bahadur.

³⁵³ *Ibid.* h. 177. 22 orang peguam Islam daripada 44 peguam.

³⁵⁴ *Ibid.*

³⁵⁵ *Ibid.* h. 178.

³⁵⁶ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h.105.

Pemberontakan ini berlaku mula-mula kerana pengaruh gerakan *Khilafat* yang menyebabkan mereka menyerang kerajaan, tetapi kemudian beralih kepada serangan terhadap para pemberi pinjaman wang Hindu dan tuan-tuan tanah. Tetapi Gandhi dikatakan menyebut: "*The brave God-fearing Moplahs fighting for what they consider as religion, and in a manner which they consider religious*".³⁵⁷

Punca sebenar rusuhan kaum Moplah ini adalah atas dasar ekonomi.³⁵⁸ Walau bagaimanapun peristiwa ini meninggalkan kesan yang kurang menyenangkan di kalangan sesetengah pemimpin Hindu yang beranggapan pakatan Muslimnya kurang memberi perhatian bagi menghalang perkara itu berlaku. Malahan khabar angin bertiup mengatakan berlaku paksaan terhadap orang Hindu supaya menganut Islam untuk menyelamatkan nyawa mereka. Hal ini kemudian dilaporkan kepada Gandhi, bahawa paksaan menganut Islam tidak berlaku. Manakala kalangan ulama menuduh pihak kerajaan menyebarkan diayah demikian untuk membangkitkan pertentangan antara Hindu-Islam dengan demikian mengalih tumpuan terhadap gerakan *Khilafat* dan program Tidak Bekerjasama. Namun, penjelasan yang disampaikan, masih tidak meyakinkan pimpinan Hindu seperti Malaviya, Lajpat Rai, Moonje dan Shraddhanand. Mereka mengutuk pembunuhan yang dilakukan ke atas kaum seagamanya, dan menyeru masyarakat Hindu supaya bersatu padu dalam mempertahankan diri mereka daripada kejadian serupa pada masa akan datang.³⁵⁹ Hal ini menyebabkan sokongan terhadap gerakan *Khilafat* oleh golongan Hindu berkurangan. Kerenggangan ini kemudiannya membawa

³⁵⁷ *Ibid.*, h. 108.

³⁵⁸ Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 245.

³⁵⁹ *Ibid.*, h. 192.

kepada kekacauan komunal atas masalah lama, iaitu mengenai penyembelihan lembu atau permainan muzik melalui masjid.³⁶⁰

Gandhi juga sedar kesan rusuhan Moplah terhadap masyarakat Hindu, dan beliau cuba menenangkan perasaan mereka tetapi tidak berjaya. Masyarakat Hindu makin tidak menghiraukan perjuangan *Khilafat* dan tidak sabar untuk memisahkan diri mereka daripada program Tidak Bekerjasama.³⁶¹

Perkembangan ini menunjukkan usaha Gandhi untuk menyatukan dua masyarakat Hindu-Islam melalui gerakan *Khilafat* belum sepenuhnya berhasil. Ini kerana perjuangan dua masyarakat tersebut berbeza hala tujunya. Mereka hanya bersatu atas dasar sama-sama berjuang menentang British, selama perasaan masing-masing terjaga. Tetapi setelah hati orang Hindu terluka atas rusuhan yang dilakukan oleh masyarakat Moplah, maka ikatan persatuan yang rapuh itu kembali terurai. Bagi masyarakat Islam juga, tujuan perjuangan *Khilafat* telah hilang kebenarannya, kerana di bawah terma keamanan yang dipersetujui, Turkey dikehendaki melepaskan negara Arab di bawah taklukannya seperti Syria, Palestine, Mesopotamia, Hijaz dan lain-lain wilayah di semenanjung Arab.³⁶² Apa yang berlaku betul-betul mengejutkan masyarakat Islam, walaupun ia perkara di luar kawalan mereka.

³⁶⁰ *Ibid.*, h. 185.

³⁶¹ *Ibid.*, h. 193.

³⁶² *Ibid.*, h. 164. Manakala bahagian Asia dan pantai Eropah seperti Bosphorus diantarabangsakan. Sebahagian lagi mulai daripada St. Stefano ke Dalma Bagtche telah diisytiharkan sebagai pelabuhan berkepentingan antarabangsa di bawah satu suruhanjaya yang Turkey tidak ada wakilnya sama sekali.

Gandhi ditahan pada 10 Mac 1922M. Masyarakat Islam kecewa dan marah, kerana sebelumnya Gandhi telah menggantung Ketidakpatuhan Awam (*Civil Disobedience*) setelah berlaku kekacauan di Chauri Chaura.³⁶³ Walaupun Gandhi memberikan alasan, sebab beliau menggantung ketidakpatuhan awam kerana beliau tidak bersetuju dengan gerakan yang mengamalkan separuh kekerasan dan separuh lagi tidak... "*I personally can never be a party to a movement half violent and half non-violent*",³⁶⁴ namun, ada yang berpendapat dua sebab lagi yang menyebabkan Gandhi menggantung tindakan ketidakpatuhan awam; pertama, gerakan tersebut tidak mencapai kejayaan yang diharapkan, dan kedua, kekangan yang bertambah dalam hubungannya dengan pendukung *Khilafat*, dan ketidakmampuannya untuk mengawal aktiviti mereka.³⁶⁵

Setelah beliau dilepaskan dari penjara tanpa syarat pada 5 Februari 1924M, minatnya terhadap gerakan *Khilafat* dikatakan menurun, berdasarkan kepada keengganan beliau untuk menamakan seorang wakil Hindu bagi menyertai aktiviti *Khilafat* di Angora, atas alasan, "*it would be out of place for any Hindu to do so*".³⁶⁶ Di sini, nampak sedikit kekecewaan beliau terhadap perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat Hindu, walaupun lima tahun lalu beliau telah menyeru masyarakat seagamanya, supaya menyokong "perjuangan adil orang

³⁶³ Sebuah kampung di Gorakhpur dalam daerah Wilayah Bersatu (*United Provinces*), rusuhan oleh sekumpulan petani, dipimpin oleh sukarelawan *Congress*, menyerang dan membakar balai polis dan membunuh atau membakar sehingga mati 22 orang Konstabel polis. Gandhi memberi reaksi serta merta dengan memanggil mesyuarat Jawatankuasa Kerja *Congress* di Bardoli dan pada 12 Februari, resolusi dipersetujui supaya menggantung Ketidak Patuhan Awam. Lihat Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 110.

³⁶⁴ Ucapan Gandhi kepada AJK Kerja *Congress*, 8 Februari 1922M. Lihat Mushirul Hasan (1979), *op. cit.* h. 192.

³⁶⁵ *Ibid.*

³⁶⁶ *Ibid.* h. 193.

Islam”, dan berkata “bagi orang Hindu yang tidak menyokong orang Islam sekuat-kuatnya akan dianggap pengecut yang memutuskan tali persaudaraan”.³⁶⁷

Namun, masalah perpaduan masyarakat Hindu-Islam tidak seluruhnya terkeluar daripada keprihatinan beliau, kerana beberapa minggu setelah keluar penjara, beliau meneruskan tugas editorialnya dalam penerbitan dua minggu sekali iaitu, *Young India* dan *Navajivan*. Semasa penahanannya, kedua penerbitan ini merosot sirkulasinya. Dengan ketajaman mata penanya, melalui artikel yang banyak ditulis olehnya, beliau berkomunikasi dengan masyarakatnya. Beliau menyatakan rasa sedihnya mengenai situasi di India yang bertambah buruk semasa dua tahun beliau dipenjarakan. Berlaku perpecahan dalam *Congress*, dan perpecahan dalam negeri. “*Our non-cooperation, has taken the form of non-cooperation in practice with each other instead of with the Government.*”³⁶⁸ Demikian beliau tulis dalam *Young India*. Begitu juga, persetujuan untuk bersatu padu secara mendadak antara masyarakat Hindu-Islam semasa gerakan *Khilafat* telah memberi kesempatan kepada pertentangan lebih hebat daripada sebelumnya.

Rusuhan Moplah telah diikuti dengan rusuhan berdarah Hindu-Muslim di Multan pada September 1922M, dan pada 1924M, tidak nampak lagi perpaduan Hindu-Muslim. Masalah pokok ini merisaukan Gandhi, lebih besar daripada perselisihan yang berlaku dalam *Congress*.³⁶⁹ Bagi mengatasi masalah perpaduan Hindu-Muslim, Gandhi menggunakan ketajaman penanya dengan memperuntukkan

³⁶⁷ *Ibid.* hh. 193-194.

³⁶⁸ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 117.

³⁶⁹ *Ibid.*, h. 118.

hampir satu keluaran dalam *Young India*, membincangkan mengenai ketegangan “Hindu-Muslim, punca dan penyelesaiannya”. Beliau menyedari bahawa beliau telah dipersalahkan oleh sesetengah pihak atas bertambahnya keagresifan masyarakat Islam.³⁷⁰

Perbincangan beliau dalam *Young India* mengenai ketegangan komunal sedang rancak, apabila rusuhan Hindu-Muslim merebak ke pelosok India, kali ini berlaku di Kohat di Wilayah Hadapan Barat Laut, di mana 155 orang terbunuh atau tercedera, dan keseluruhan penduduk Hindu meninggalkan bandar berkenaan. Selepas diberi taklimat lengkap, Gandhi mengisytiharkan dirinya berpuasa selama 21 hari sebagai tanda penyesalan dan berdoa. Beliau berkata, “*It seems God had been dethroned. Let us reinstate Him in our hearts.*”³⁷¹ Beliau menjalani puasa tersebut di rumah pemimpin *Khilafat* Muhammad Ali di Delhi. Apabila ia menamatkan puasanya, terdengar bacaan ayat-ayat suci dari al-Quran dan *Upanishad* serta mazmur daripada agama Kristian.³⁷²

Gerakan *Khilafat* atas sokongan Gandhi merupakan perjuangan masyarakat Hindu-Islam Se-India yang amat meluas. Walau bagaimanapun, gabungan ini, hanya merupakan detik dalam sejarah India di abad ke-20, yang berlalu begitu sahaja. Apabila Gandhi dan pengikut *Congressnya* menggantung ketidakpatuhan awam, tanda-tanda perpecahan Hindu-Islam mulai zahir. Daripada Februari 1922M, hingga Disember 1928M, wabak komunalisme merebak dengan pantas ke

³⁷⁰ *Ibid.*, h. 120.

³⁷¹ *Ibid.* h. 121.

³⁷² *Ibid.*

seluruh India. Gerakan Khilafat bagi sesetengah orang merupakan "*the worst form of a denationalising and even dehumanising movement of communalism, pure and simple, and Gandhi was held responsible for breeding of spirit of intolerance, introducing religion into politics, and weakening respect for law and order*".³⁷³

Ketika kemuncak ketegangan masyarakat Hindu-Islam pada 1925M, seorang anggota Majlis Undangan Bombay, M.R. Jayakar membuat pemerhatian seperti berikut:

*"To speak quiet frankly to you, I regard it [Hindu-Muslim conflict] as the necessary reaction to Gandhi's policy during the last four years, which aimed at a most artificial and unreal unity between Hindus and Muslims, awakening sentiments and impulses in the latter community which, like the Frankenstein, it is now very difficult to allay. It makes me very sad to think that so great a patriot should have on this issue bungled so easily."*³⁷⁴

Pada akhir 1925M, Gandhi mengekang diri selama setahun daripada terlibat secara aktif dalam politik dan menetap di penempatan Sabarmati menumpukan perhatian terhadap hal ehwal *ashram*nya dan urusan Persatuan Pemintal Se-India. Di samping itu, beliau meneruskan kontak dengan masyarakatnya melalui tulisan dalam *Young India* dan meneruskan tulisan autobiografinya. Rusuhan komunal terus berlaku. Pada 1926M, tidak kurang daripada 35 rusuhan berlaku dan pada penutup tahun berlaku pembunuhan seorang Hindu terkenal di Delhi, dilakukan oleh seorang fanatik Islam. Gandhi, buat sementara waktu, mengambil sikap tidak campur tangan dalam perbalahan Hindu-Muslim, kerana beliau yakin jika beliau

³⁷³ Mushirul Hasan (1979), *op. cit.*, h. 194.

³⁷⁴ *Ibid.* (surt-surat Jayakar kepada Lajpat Rai, 8 September 1925M, terdapt dalam kumpulan yang dinamakan *Jakakar Papers*).

campur tangan dalam masalah tersebut ia menjadi bertambah buruk.³⁷⁵ Bagaimanapun pada akhir 1927M, Gandhi kembali aktif dan menyambungkan lawatan keliling Indianya.³⁷⁶ Beliau juga menghadiri Sidang Tahunan *Congress* pada Disember 1928M, ini berikutan berakhirnya syarat perlepasan beliau daripada penjara yang dikenakan selama enam tahun, dan ia memberi kebebasan moral untuk beliau bertindak, tatkala penglibatan beliau amat dikehendaki oleh masyarakatnya. Dalam pertikaian mengenai Laporan Nehru,³⁷⁷ yang diterima oleh *Congress* tetapi tidak diterima oleh *League*, Gandhi, mengambil semangat daripada Laporan tersebut, menasihatkan orang Hindu, sebagai masyarakat majoriti, supaya menonjolkan semangat pemurah dan memaparkan kepada masyarakat Islam keselesaan dan keselamatan dengan memberikan kepada mereka konsesi yang mereka kehendaki.³⁷⁸

Tindakan beliau seperti di atas, antara lain dilihat oleh golongan fanatik Hindu sebagai sifat berat sebelah Gandhi terhadap masyarakat Islam. Pandangan seperti inilah yang melahirkan golongan militan Hindu, dan salah seorang daripada mereka ialah pembunuh Gandhi sendiri.

³⁷⁵ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, hh. 124-125.

³⁷⁶ *Ibid.*, h. 125.

³⁷⁷ *Ibid.*, h. 129. Laporan Nehru atau *Nehru Report* antara lain mencadangkan penyelesaian masalah Hindu-Muslim dengan membuat pembahagian kawasan yang diletakkan di bawah pentadbiran Muslim seperti Sind, Wilayah Hadapan Barat Laut (*North West Frontier Province*) dan menyediakan kawasan pilihanraya berasingan bagi masyarakat Islam. Gandhi tidak terlibat dalam penggubalannya begitu juga tidak menghadiri mesyuaratnya, tetapi beliau bersetuju dengan berkata, "I venture to suggest that the report satisfies all reasonable aspirations and is quite capable of standing on its own merit. All that is needed to put the finishing touch to the work of the Nehru Committee is the little forbearance, a little mutual respect, a little give and take, and confidence not in our little selves but in the great nation of which each one of us is a humble member."

³⁷⁸ *Ibid.*, h. 132.

4.3 Kritikan Terhadap Sir Syed Ahmad Khan

Usaha Syed dalam memperkenalkan pendidikan bersistem Barat, mendapat tentangan hebat daripada para pemimpin masyarakat Islam, terutama para ulama, termasuk *moulvi* dan *mullah*. Para pemimpin masyarakat ini, yang masih berfahaman konservatif berpendapat, pendidikan Inggeris bertujuan untuk mendorong dan menukar agama mereka kepada agama Kristian.³⁷⁹ Kerajaan kemudian membuat dasar pengecualian ajaran agama yang ketat di sekolah, bagi menghormati bantahan pemimpin masyarakat Islam tersebut. Namun, anggapan yang tersebar luas, bahawa propaganda mubaligh Kristian menyusup ke sekolah-sekolah, menjadikan masyarakat Islam kecoh. Mereka tidak kisah lagi dengan jaminan kerajaan, dengan mengambil sikap sendiri serta menghindari sekolah yang mengamalkan sistem pendidikan kerajaan British. Sikap melulu masyarakat Islam, menjarakkan lagi diri mereka dengan sistem baru pendidikan.³⁸⁰

Bagi pengkritik Syed, pembaharuan pendidikannya yang mengutamakan kesusasteraan dan sains Barat, yang mereka anggap bertentangan dengan Islam itu, akan lebih melemahkan lagi keimanan masyarakat Islam. Syed merasa kesal atas kritikan pemimpin Islam seperti itu, dan berpendapat, apakah masyarakat Islam yang menganggap agama mereka begitu agung, dan mencerahkan kehidupan mereka dengan hidayah, begitu lemah untuk menghadapi tentangan daripada

³⁷⁹ Apabila kerajaan British ingin memulakan pendidikan Inggeris disemua sekolah, masyarakat Islam mengemukakan permohonan supaya kerajaan memberhentikannya yang ditandatangani oleh 8000 *Moulvi* di Calcutta. Lihat Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 54.

³⁸⁰ *Ibid.*

kesusasteraan dan sains Barat.³⁸¹ Malahan, perkembangan pengetahuan sekular, beliau yakin, akan lebih membenarkan kebenaran Islam sendiri.³⁸²

Syed memusatkan reformasi pendidikannya di Aligarh, atas beberapa faktor seperti kemudahan komunikasi, logistik, perhubungan, kependudukan, berdekatan dengan Delhi, dan atas pertimbangan kos sara hidup. Beliau menyemarakkan kempen pembaharuan pendidikannya melalui gerakan yang dinamakan "*Aligarh Movement*", atau Gerakan Aligarh. Perkembangan ini diperhatikan dengan penuh curiga oleh orang Islam ortodoks dan para mullah yang melihat usaha Syed hanya membawa kepada penyimpangan terhadap agama Islam. Apabila Jawatankuasa Dana Kolej *M.A.O.*, menghantar surat kepada ulama, meminta pandangan mengenai sama ada atau tidak, sumbangan derma boleh dihulurkan kepada rancangan penubuhan Kolej *M.A.O.* Tidak lama, timbul bangkangan tajam daripada kalangan ulama, khasnya, dan masyarakat Islam, amnya. Moulvi Imdad Ali, Timbalan Pemungut Hasil dari Kanpur, mengutuk tajam skim di atas, dengan membuat kenyataan, bahawa para pengasas Kolej *M.A.O.*, bukan orang Islam tulen.³⁸³ Berikutan dengan bangkangan ini, muncul lain-lain bangkangan yang disuarakan oleh para pemimpin masyarakat dan para ulama. Di antaranya, memberi amaran kepada masyarakat Islam, supaya menjauhkan diri daripada Gerakan Aligarh. Banyak fatwa³⁸⁴ disebar, menuduh Syed sebagai kafir;³⁸⁵ beliau digelar

³⁸¹ *Ibid.*, h. 62.

³⁸² *Ibid.*

³⁸³ *Ibid.*, h. 69.

³⁸⁴ Fatwa bererti keputusan yang dikeluarkan oleh mufti tentang sesuatu masalah, pendapat / nasihat (alim ulama), petunjuk. Lihat Haji Zainal Abidin Safarwan (1995), *op. cit.*, h. 477.

³⁸⁵ *Ibid.*, h. 761. Kafir bererti tidak percaya [tidak beriman] kepada Tuhan....

“naturi”,³⁸⁶ dan agnostik,³⁸⁷ seorang yang tidak mempercayai tuhan dan dajal,³⁸⁸ dan berbagai nama buruk diberikan kepadanya. Surat dan risalah penuh cacian dan kutukan terhadap Syed, disebarkan. Surat layang dihantar kepada beliau, salah satunya menyatakan bahawa atas pendapatnya itu beliau harus menerima sebatan, penjara dan seumpamanya.³⁸⁹

Mengenai idea tentang kawasan pemilihan berasingan (*separate electrote*), tidak timbul daripada dasar politik Syed. Idea ini lahir hasil daripada memorandum yang dikemukakan oleh *National Mohammadan Association of Calcutta*, pada Februari 1883M, kepada *Lord Lytton*. Memorandum tersebut mengandungi seruan supaya kerajaan memberi perhatian kepada tuntutan mereka, iaitu; “pertimbangan berasingan terhadap pendidikan masyarakat Islam.”³⁹⁰ Tahun 1883M, Muhammad Yusuf, seorang yang disegani dari Bihar, telah menyampaikan sebuah ucapan di Majlis Perundangan Bengal, sebagai jawapan kepada tentangan G.C. Paul terhadap Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan Sendiri (*Local Self Government Bill*). Muhammad Yusuf berkata:

“The Council will be pleased to remember that though in most places the Mohammedan population forms a minority as compared with the larger bodies of the Hindus, still in many places they form a

³⁸⁶ Beliau digelar “naturi”, kerana membuktikan sesuatu daripada kacamata *nature*; dengan demikian, para penentang beliau menggelarnya dengan sebutan *naturi*. Lihat Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 69.

³⁸⁷ Mempercayai bahawa sifat Tuhan dll. hanya dapat diketahui daripada benda yang wujud sahaja. Lihat Kamus Dwibahasa (1979). *op. cit.*, h. 32.

³⁸⁸ Satu raksasa yang akan muncul sebelum hari Kiamat. Ia akan muncul menunggang Keledai dan mengeluarkan roti daripada telinga Keledai dan selain itu memperlihatkan kepada orang yang tidak beriman banyak benda dan memenangi hati mereka, dan memesongkan mereka daripada jalan yang benar. Lihat Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 69.

³⁸⁹ *Ibid.*

³⁹⁰ *Ibid.*, h. 242.

large proportion of the population. Or it may be that in some places (though fewer) the case is the reverse, and the Hindus form a minority. In such cases, when there is party spirit and angry feeling between the two classes of people, it is necessary to reserve power for the representation of the minority. The Bill proposes to provide for this by nomination, but it would be an advantage and a more fit recognition of the claims of the Mohammedan population if provision could be made in the Bill for the election of Mohammedans by reserving a certain number of membership for that community."³⁹¹

Ucapan tersebut memberi kesan bahawa idea mengenai "separate consideration" atau "separate electorate", bermula daripada idea masyarakat Islam di Bengal dan Bihar, oleh itu, Syed tidak boleh dianggap sebagai orang yang mencetuskan ide pemisahan berkenaan.³⁹²

Mengenai pandangan yang mengatakan bahawa orang Islam pertama yang mengatakan India terdiri daripada dua negara yang berasingan bagi - Hindu dan Muslim - adalah satu pandangan tidak berasas dan tidak boleh diterima. Kajian kritikal ke atas ucapan dan tulisan beliau, seperti dikatakan oleh Shan Muhammad:

*"Leads us to the definite conclusion that generally speaking he did not use the word 'Nation' in the sense in which it was at that time being used in the West and in which it is now generally used. Whenever Syed used such terms as 'Hindu Nation' or 'Muslim Nation' he meant communities which formed the nation (in the technical sense) of India".*³⁹³

Sir Syed, sebenarnya tidak mempunyai konsep politik yang jelas mengenai istilah negara (*nation*), yang digunakan apabila beliau menyebut *qaum*. Pada satu ketika, beliau beberapa kali mengulangi bahawa, masyarakat Hindu dan Islam telah tinggal bersama di India berabad-abad lamanya dan sememangnya mereka harus

³⁹¹ *Ibid.* hh. 242-243.

³⁹² *Ibid.* h. 243.

³⁹³ *Ibid.* h. 244.

tinggal bersama. *"No statement of Syed is on record which may lead one to conclude that he ever contemplated that these two communities would some day in future constitute two separate states."*³⁹⁴

Semasa memberi ucapan balas dalam perjumpaan dengan Anjuman-e-Lahore, Punjab, beliau berkata:

*"I have used the word 'nation' several times in this Anjuman. By this I do not mean Muslims only. In my opinion all men are one and I do not like religion, community or group to be identified with a nation..... I wish that all men irrespective of their religion and community may unite together for common weal. Our religions are undoubtedly different but there is no reason for enmity among us on this account."*³⁹⁵

Pada ketika lain beliau memberi ucapan dalam mesyuarat antara masyarakat Hindu dan Islam, di Jullunder, beliau memberi pandangan hampir serupa, iaitu:

*"Centuries have passed since God desired that Hindus and Musalmans may share the climate and the produce of this land and live and die on it together. So it appears to be the will of God that these two communities may live together in this country as friends, or even like two brothers. They form the two eyes of the pretty face of India. These two nations which are inextricably joined together like rice and pulse have to live unitedly. So long as this unity is not achieved there can certainly be no planning for national education. If the Hindus construct their building out of two stones and the Muslims erect their edifice out of one and a half bricks separately, nothing will be achieved. They must first finish one job unitedly and when it is finished they must start a fresh one."*³⁹⁶

Dalam salah satu kuliah yang beliau sampaikan, beliau menasihatkan orang ramai supaya bersatu padu dan berkata:

³⁹⁴ *Ibid.* hh. 244 - 245.

³⁹⁵ *Ibid.* h. 245.

³⁹⁶ *Ibid.*

*"Two nations live in India at this time and they are so placed that the house of the one adjoins that of the other. The shadow of one's wall falls on the house of the other. They enjoy the same climate; take water from the same river or well. In dying and living, everyone is a participant in the joys and the griefs of others. One is not happy without the other.....we should try to become one heart and soul and act in unison. If united we can support each other, if we are disunited, it would lead to the destruction and downfall of both.....The word nation (qaum) applies to the people who live in a country. All people living in Afghanistan are called one nation. The diverse people of Iran are called Iranis. European holds different religious beliefs and ideas but they are considered as one nation. In short, from time immemorial the word nation is used for the inhabitants of the country though they may have their separate characteristics. O Hindus and Musalmans, do you inhabit any country other than India? Do you not both live here and are you not buried in this land or cremated on the ghats of this land? You live here and die here. Remember that Hindu and Musalman are words of religious significance, otherwise Hindus, Musalmans and Christians who live in this country all constitute one nation."*³⁹⁷

Ucapan beliau di atas menunjukkan bahawa beliau seorang yang percaya dan yakin, bahawa dua masyarakat Hindu-Islam boleh hidup bersama sebagai satu kaum [diterjemahkan sebagai *nation*], yang membezakan mereka cuma agama. Perbezaan ini tidak harus dijadikan penghalang untuk mereka saling bekerjasama, tolong menolong dan bantu membantu untuk kesejahteraan bersama. Beliau tidak pernah menganjurkan bagi pihak masyarakat Islam, sebuah negara terpisah daripada masyarakat Hindu. Jauh sekali, daripada menubuhkan dan memimpin sebuah pergerakan memperjuangkan perkara ini. Sebaliknya beliau tanpa henti dan tanpa jemu, mengulangi seruan supaya dua masyarakat berkenaan hidup aman damai dan bersatu padu. Malahan beliau sehingga menganjurkan supaya kedua masyarakat cuba menjadi satu hati dan satu nyawa, dan bertindak dalam satu

³⁹⁷ *Ibid.*, h. 246.

tindakan. Apa yang beliau buat dengan tujuan yang paling utama, ialah untuk perpaduan nasional.

Syed juga didakwa sebagai pencanang pertama idea penubuhan Pakistan oleh sebilangan penulis Pakistan.³⁹⁸ Pandangan ini tiada asas yang kukuh. Seperti dinyatakan sebelum ini, beliau adalah seorang nasionalis dan menganggap India sebagai tanah tumpah darahnya, dan tidak pernah terlintas pada dirinya, betapa besar pun kebimbangan akan berlaku penguasaan masyarakat majoriti, tidak sekali-kali beliau mengharapkan masyarakat Islam sebagai minoriti patut memiliki tanah air sendiri. Tambahan lagi, Syed sendiri tidak pernah mengutarakan idea, bahawa masyarakat Islam India membentuk secara politik, suatu entiti berasingan. Tetapi Pakistan (sebuah negara berasingan bagi Muslim India) telah diasaskan berdasarkan idea bahawa masyarakat Islam di India suatu negara berasingan. Kajian ke atas pembentukan negara Pakistan membuktikan, bahawa bukan Syed yang mencetuskan ideologi Pakistan, tetapi Sir Muhammad Iqbal dan M. A. Jinnah.³⁹⁹ Dengan demikian kenyataan yang mengatakan Syed, "*was the first*

³⁹⁸ *Ibid.*, h. 250. Bashir Ahmad Dar dalam bukunya *Religious Thought of syed Sir Syed Ahmad Khan* berkata: "*Pakistan is in reality the direct result of the whole scheme of things as envisaged by this great man who represented in his person the ideology and aspirations of the whole Muslim nation of this sub-continent*".

³⁹⁹ *Ibid.* Idea politik Jinnah cetusan dari Sir Muhammad Iqbal melalui beberapa ucapan dan surat menyuratnya, membuat Jinnah berjuang dengan tegas untuk sebuah negara berasingan. Pada sesi tahunan *Muslim League* yang diadakan di Allahabad (29 Disember 1930), Allama Iqbal dalam ucapannya sebagai presiden menuntut pembentukan negeri Islam gabungan. Beliau berkata: "Saya mahu melihat Punjab, North West Frontier Province, Sind and Baluchistan bergabung dalam satu negeri. Berpemerintahan sendiri dalam atau di luar Empayar British. Pembentukan gabungan negeri Muslim India di sebelah Barat Laut pada pandangan saya akan menjadi matlamat akhir masyarakat Islam sekurang-kurangnya bahagian Barat Laut India.

citizen of Pakistan”, atau “*one of fathers of Pakistan*”, atau “*in his whole attitude was implicit the concept of Pakistan*” adalah kenyataan yang tidak berasas.⁴⁰⁰

4.4 Kritikan Terhadap Mahatma Gandhi

Seperti pandangan Syed mengenai agama dan politik, Gandhi juga berpendapat beliau akan menentang cadangan bagi menamakan mana-mana agama sebagai agama rasmi bagi negara India, walaupun seluruh rakyat India beragama yang sama. Beliau berpandangan, bahawa agama adalah “perkara persendirian”. Beliau memberitahu seorang mubaligh Kristian yang bertanya sama ada akan wujud kebebasan agama menyeluruh dalam zaman India merdeka, dengan berkata, “*The State would look after your secular welfare, health, communications, foreign relations, currency and so on, but not your or my religion. That is everybody's personal concern.*”⁴⁰¹

Walau bagaimanapun, seorang pengkritik B.N. Roy, amat kritikal terhadap Gandhi yang menurutnya, Gandhi menggunakan pendekatan agama bagi tujuan politik (*religious approach to politics*).⁴⁰² Di antaranya penggunaan kaedah *Satyagraha* bagi menyelesaikan konflik, yang asasnya daripada kepercayaan keagamaan Gandhi yang mendalam dan pegangan falsafahnya yang tidak sepenuhnya berteraskan Hindu. Beliau mengakui beliau terhutang budi bukan

⁴⁰⁰ *Ibid.*, h. 252.

⁴⁰¹ B.R. Nanda (1985), *op. cit.*, h. 75.

⁴⁰² *Ibid.*

sahaja terhadap *Gita* dan *Upanishad*, tetapi juga terhadap "*the Sermon on the Mount*", dan tulisan Tolstoy dan Thoreau. Menurut Gandhi, seseorang yang atheis atau agnostik, masih boleh mengamalkan *Satyagraha*.⁴⁰³ Seperti dinyatakan sebelumnya, Gandhi pada Februari 1922M, telah memutuskan untuk tidak meneruskan Ketidakpatuhan Awam secara massa (*mass Civil Disobedience*) setelah menerima berita mengenai kekacauan di Chauri Chaura, pada ketika itu banyak di kalangan penyokongnya membantah dengan berpendapat penekanannya terhadap perjuangan tanpa keganasan telah melampau. Manakala pada Mac 1931M, apabila beliau membatalkan ketidakpatuhan awam untuk menghadiri Persidangan Meja Bulat di London, ia suatu tamparan kepada penyokongnya yang radikal, terutama Jawaharlal Nehru. Gandhi berkata, "*There comes a stage, when a satyagrahi may no longer refuse to negotiate with his opponents. His object is always to convert his opponent by love*".⁴⁰⁴ Gandhi selalu berfalsafah bagi menenangkan keresahan atas sesuatu tindakan yang dibuat olehnya.

Beliau sedar bahawa majoriti rakyat India menjiwai kepercayaan agama masing-masing dengan mendalam. Oleh itu, *Satyagraha* dianggap sebagai suatu kuasa tolakan malahan sebagai simbol perjuangan berasaskan agama dan falsafah untuk menentang komunalisme. Dengan cara ini ia lebih meresapi unsur kesedaran dalam jiwa dan minda masyarakat India yang berkesedaran agama yang tinggi. Simbol yang lain yang dikatakan sangat ampuh dan senang terkesan oleh masyarakat India ialah puasa. Kebijakan Gandhi ialah secara kreatif

⁴⁰³ *Ibid.*, h. 73.

⁴⁰⁴ *Ibid.*, hh. 73-74

menggunakannya sebagai alat untuk tindakan sosial. Pada banyak situasi komunal, yang runcing, Gandhi menggunakan puasa untuk meredakan ketegangan komunal antara masyarakat Hindu-Islam. Beliau menyifatkan puasa sebagai senjata yang paling ampuh bagi kegunaan *Satyagraha*. Tetapi beliau juga menyifatkannya sebagai senjata berkesan, digunakan apabila perlu, sebagai jalan terakhir, apabila semua cara lain sudah tertutup. Walau bagaimanapun, beliau berhati-hati dan tidak menggunakannya terhadap orang yang menyokongnya dan terhadap orang yang menentangnya. Misalnya, beliau tidak melakukan puasa untuk menundukkan *Muslim League* daripada membuat tuntutan bagi mewujudkan Pakistan. Tetapi beliau berpuasa untuk menyedarkan hati kecil masyarakat Hindu terhadap Orang Tidak Boleh Disentuh (*The Untouchables*), dan untuk membawa para perusuh kepada kewarasan.⁴⁰⁵

Pendekatan agama dan sentimen yang digunakan oleh Gandhi terhadap persoalan politik semasa, menjengkelkan Jawaharlal Nehru sendiri, seperti yang dinyatakan dalam autobiografinya. Namun tindakan nekad Gandhi dengan berpuasa semasa dalam penjara Yervada pada September 1932M, mendatangkan hasil beberapa hari kemudian, apabila ketegangan mengenai orang yang tidak boleh disentuh, reda. Perasaan Nehru berubah, daripada rasa jengkel kepada kagum, betapa seorang yang kerdil dalam penjara dapat mengatasi masalah di luarnya, melalui daya karismaniknya yang mampu mengubah hati manusia.⁴⁰⁶

⁴⁰⁵ *Ibid.*, h. 76.

⁴⁰⁶ *Ibid.*

Seorang sejarawan moden Barat di Universiti Bristol, John Vincent, meletakkan tanggungjawab ke atas Gandhi, terhadap “pertumpahan darah orang tidak bersalah semasa pembunuhan beramai-ramai”, yang berlaku selepas perpecahan India pada 1947M. beliau menyifatkan peristiwa itu sebagai “kemuncak hidup Gandhi”, dan menambah, “British telah menjangka bahayanya; Gandhi tidak, atau sengaja menutup mata terhadapnya....”⁴⁰⁷ Sebenarnya masalah antara masyarakat Hindu-Islam, yang kemuncaknya berlaku pembahagian benua kecil India pada 1947M, lama berlaku sebelum Gandhi terlibat dalam arena politik India. Beliau sendiri berusaha sedaya upaya untuk mengendurkan ketegangan dan perbalahan antara dua masyarakat tersebut. Selepas keluar penjara pada 1924M, beliau mengutuk kegilaan komunal; beliau merayu supaya wujud ketertiban kemanusiaan dan toleransi; beliau berpuasa; beliau berdoa. Tetapi itu semua sia-sia. Suaranya pada suatu ketika lantang, telah ditenggelami oleh suara yang menggalakkan komunal oleh para penghasut daripada kedua-dua masyarakat.⁴⁰⁸

Jurang komunal pada tahun-tahun 1930-an hingga 1940-an, kian melebar, walaupun perbincangan antara tiga pihak, iaitu kerajaan British, *Congress* dan *League* diadakan dari semasa ke semasa. *Muslim League* yang diketuai oleh M.A. Jinnah, menggunakan slogan “*Islam in Danger*”, “*Congress Tyranny*” dan “*Hindu Raj*”, bagi memperkuatkan tuntutan supaya masyarakat Islam diperuntukkan wilayah politiknya sendiri, berasingan daripada pemerintahan Hindu. Cadangan pemisahan dilontarkan sebagai alternatif kepada keamanan sebelum kemerdekaan

⁴⁰⁷ *Ibid.* h. 77.

⁴⁰⁸ *Ibid.* hh. 82-83.

(*peace before independence*). Jinnah mulai memberi pemberatan kepada teori dua negara. Beliau berhujah, perbezaan antara masyarakat Hindu dan Islam tidak sahaja terhad kepada agama, malahan meliputi seluruh aspek sosial, budaya dan kehidupan ekonomi. Beliau menekankan bahawa India bukan satu negara, manakala masyarakat Islam India tergabung dalam negara berasingan, dan dengan demikian, berhak mempunyai tanah air mereka sendiri di mana mereka boleh menentukan nasib hidup mereka. Teori ini terkandung dalam “Resolusi Pakistan” yang terkenal, yang dibentangkan dalam *All-India Muslim League* pada Mac 1940M, yang mengisytiharkan, bahawa tiada rancangan perlembagaan untuk India, yang boleh dijayakan atau diterima oleh masyarakat Islam, kecuali ia berdasarkan kepada perbatasan kawasan majoriti Muslim di Barat Laut dan Timur Laut, sebagai negeri merdeka.⁴⁰⁹

Gandhi memberi reaksi negatif terhadap teori dua negara, dan tuntutan sebuah negara Pakistan, dan menyifatkannya sebagai sesuatu yang liar dan hampir tidak masuk akal. Beliau mempersoalkan, adakah peranan agama untuk memisah atau menyatupadukan rakyat? Menurut beliau, teori dua negara adalah sesuatu yang di luar kebenaran; dalam kamusnya tidak ada perkataan yang lebih keras untuk disifatkannya. Bagi Gandhi, majoriti masyarakat Islam India adalah pemeluk Islam, atau keturunan daripada para pemeluk tersebut. Perubahan agama tidak menukarkan kebangsaan; pembahagian agama tidak menepati perbezaan budaya. Beliau menulis, seorang Benggali Islam bercakap bahasa yang sama seperti Benggali Hindu, makan makanan yang sama, mempunyai kesukaan yang sama

⁴⁰⁹ *Ibid.* hh. 88-89.

dengan jiran Hindunya. Mereka berpakaian serupa....nama (Jinnah) juga nama bagi orang Hindu. Apabila kali pertama saya berjumpa dengannya, saya tidak tahu bahawa beliau seorang Islam".⁴¹⁰

Membahagikan India, sama dengan menidakkan usaha penyatupaduan seabad lalu yang dilakukan oleh masyarakat Hindu dan Islam. Jiwa Gandhi memberontak menentang idea, bahawa Hinduisme dan Islamisme mewakili budaya dan doktrin yang bertentangan, dan lapan puluh juta masyarakat Islam tiada apa-apa persamaan dengan jiran Hindunya. Sekiranya ada perbezaan agama dan budaya, apakah akan ada pertentangan kepentingan terhadap pungutan hasil, perusahaan, kebersihan atau keadilan? Bagi beliau, perbezaan hanyalah ketara dari segi doktrin keagamaan dan amalan, atas perkara ini sebuah negara sekular India, akan menjamin kebebasannya.⁴¹¹

Suasana politik di luar India terutama Peperangan Dunia Kedua pada 1939M, ikut membantu propaganda ideologi puak pemisah. Suasana tersebut ditambah pula dengan pembubaran beberapa kementerian yang dikuasai *Congress* di lapan buah daripada sebelas wilayah, merupakan keadaan yang berpihak kepada *League*. Jika kementerian *Congress* ini kekal, senario politik yang membawa kepada tuntutan sebuah negara Pakistan, mungkin tidak semudah yang telah berlaku.⁴¹² Jadi, keadaan yang berlaku adalah di luar kawalan Gandhi, yang telah tidak mampu lagi mengawal keadaan yang dipenuhi dengan luahan emosi, bukan

⁴¹⁰ *Ibid.* h. 89.

⁴¹¹ *Ibid.* hh. 89-90.

⁴¹² *Ibid.* hh. 90-91.

berdasarkan kepada pemikiran rasional jangka panjang. Walau bagaimanapun, atas tuntutan keadaan, pada 1944M, selepas berbincang dengan Jinnah, Gandhi bukan sahaja akur asas penubuhan Pakistan, malahan berbincang dengan Jinnah mengenai mekanisme pembahagian sempadan di antara dua negara penerima daripada penjajah British.⁴¹³

Semasa acara penyerahan kuasa daripada penjajah British kepada pemimpin India diadakan di Delhi pada 15 Ogos 1947M, Gandhi tidak hadir. Beliau dikatakan tidak merasa senang untuk menghadiri acara gilang gemilang tersebut. Hari bersejarah yang telah lama beliau perjuangkan, dan hari yang dinantikan telah tiba, tetapi hati beliau tidak merasa gembira, bukan sahaja kemerdekaannya dicapai dengan tergadai perpaduannya, tetapi sebahagian besar rakyatnya berada dalam keadaan tidak tenteram mengenai masa depan mereka.⁴¹⁴ Beberapa minggu sebelum hari kemerdekaan, Gandhi menerima utusan yang dihantar oleh Jawaharlal Nehru dan Sardar Patel dengan sepucuk surat berbunyi:

"Bapu you are the father of the nation. 15th August 1947, will be the first Independence Day and we want you to come to Delhi to give us the blessings." Gandhi said: "How stupid!. When Bengal is burning, Hindus and Muslims are killing each other and I hear their cries of the agony in the darkness of Calcutta, how can I go to Delhi with the glittering lights?" He said "I have to live here for the establishment of peace in Bengal and if need be, I have to give up my life for ensuring that there is harmony and peace." ⁴¹⁵

⁴¹³ *Ibid.* h. 94.

⁴¹⁴ *Ibid.* h. 106.

⁴¹⁵ "Gandhi's Human Touch," lecture by Professor Madhu Dandwate, <http://www.mkgandhi.org/humantouch.htm>, 11 April 2002.

Pada awal Ogos 1947M, Gandhi bertolak ke Bengal Timur, di mana penduduk Hindu di Noakhali, berada dalam ketakutan kerana khabar angin akan berlaku kekacauan baru, selepas penubuhan Pakistan. Menurut Sucheta Kripalani,⁴¹⁶ Gandhi pergi dari satu kampung ke satu kampung. Beliau membawa kitab suci bersamanya. Beliau merayu setiap lelaki dan perempuan, Hindu mahupun Muslim, untuk memastikan keamanan wujud. Mereka melakukan sembahyang, dan Gandhi meminta mereka berjanji yang mereka tidak akan berbunuhan satu sama lain. Beliau berada di satu-satu kampung beberapa hari untuk melihat janji yang telah mereka buat di hadapannya dilaksanakan. Satu peristiwa telah berlaku pada satu kampung yang beliau lawati. Semua orang dewasa Hindu dan Muslim enggan keluar untuk melakukan sembahyang dan ikrar bersama untuk tujuan keamanan, walaupun berulang kali diminta oleh Gandhi. Beliau tunggu selama setengah jam. Setelah tiada siapa yang muncul, Gandhi mengambil bola yang dibawanya, dan bercakap kepada kanak-kanak kampung yang hadir, dengan berkata: *"Small kids from this village, your parents are frightened of each other but what fright you can have? Elderly Hindus and Muslims might be frightened of one another. But children are innocent. You are children of God. I am inviting you to play the game of ball."*⁴¹⁷ Kanak-kanak lelaki dan perempuan Hindu dan Muslim, mula bergerak ke arah pentas di mana Gandhi duduk. Gandhi membaling bola ke arah mereka dan mereka pula membaling bola ke arah Gandhi. Beliau bermain selama setengah jam, kemudian berkata kepada orang-orang kampung:

⁴¹⁶ *Ibid.* Seorang anggota misi damai Gandhi ke Noakhali.

⁴¹⁷ *Ibid.*

"You have no courage but if you want that courage, induct it from your children. A child belonging to the Muslim community is not afraid of the child belonging to the Hindu community and so also, a Hindu child is not frightened of a Muslim child. They have come together; they were playing with me for half an hour. Please learn something from them. If you have no inner courage, try to emulate it from your children." ⁴¹⁸

Setelah itu, satu persatu orang dewasa Hindu dan Muslim datang. Satu kumpulan besar terbentuk. Beliau meminta mereka berjanji untuk tidak berbunuhan antara satu sama lain. Beliau tinggal di Noakhali beberapa ketika, melawat kampung ke kampung sehingga keamanan tercapai. Atas daya usaha beliau itu, Viceroy Mountbatten mengirim sepucuk telegram pada 26 Ogos 1947M, dengan berkata: *"My dear Gandhiji, in the Punjab we have 55 thousand soldiers and large-scale rioting on our hands. In Bengal our forces consist of one man and there is no rioting. As a serving officer, as well as an administrator may I be allowed to pay my tribute to the One Man Boundary Force."* ⁴¹⁹

Dalam perjalanan ke Bengal Timur, Gandhi singgah di Calcutta, di mana beliau dapati bandar tersebut dicengkam oleh perasaan komunal tanpa undang-undang yang berkuat kuasa, dan keadaan itu telah berjalan selama setahun. Keadaan ini diburukkan dengan kekurangan penguatkuasaan, setelah pasukan yang terdiri daripada orang Islam berhijrah ke Pakistan. Di Calcutta, Gandhi menumpang di rumah seorang pekerja Islam, di Belighata. Sebaik sahaja Gandhi berada di rumah itu, Gandhi berhadapan dengan sekumpulan penunjuk perasaan terdiri daripada para pemuda Hindu yang menentang misi keamanan Gandhi. Beliau

⁴¹⁸ *Ibid.*

⁴¹⁹ B.R. Nanda (1985), *op. cit.*, h. 107.

menerangkan kepada mereka, betapa beliau sedang berusaha sedaya upaya menamatkan rusuhan kaum sebangsa, dan bahawa kebencian dan keganasan tidak akan memberi apa-apa faedah kepada mereka. Kata-kata beliau amat mempengaruhi hati dan jiwa para pemuda tersebut, yang kemudian kembali ke rumah masing-masing dengan penuh keinsafan. Calcutta berubah, rusuhan padam. Pada petang 14 Ogos, sambutan kemerdekaan disambut bersama di jalan-jalan raya, sambil menari dan menyanyi oleh kedua-dua masyarakat Hindu dan Islam. Kemalapan dan perasaan tertekan warga kota Calcutta, semenjak Ogos 1946M, tiba-tiba ceria. Tiga hingga empat ribu orang menghadiri upacara sembahyang yang dianjurkan oleh Gandhi, di mana bendera India dan Pakistan berkibar bersama. Gandhi amat sukacita, dan berkata: "*We have drunk the poison of hatred, and so this nectar of fraternization tastes all the sweeter.*" ⁴²⁰

Jalinan hubungan yang kental yang telah ditunjukkan itu tidak kekal lama. Tidak sampai dua minggu, rusuhan kembali berlaku di Calcutta, setelah berita tersebar mengenai pembunuhan beramai-ramai berlaku di Pakistan, menyebabkan pengungsian besar-besaran berlaku dari Punjab Barat. Perusuh Hindu menyerang kediaman Gandhi di Belighata pada 31 Ogos 1947M. Para perusuh yang marah, celopar dan ganas, memecahkan tingkap dan menerobos masuk ke rumah. Kekasaran mereka hampir mencederakan Gandhi. Kata-kata Mahatma, tenggelam dalam bahang keganasan. Calcutta kembali berada dalam kekacauan. Peristiwa ini menjejaskan usaha Gandhi untuk mencapai keamanan. Jawapan beliau kepada keadaan yang berlaku ialah pengumuman yang dibuat pada 1 September 1947M,

⁴²⁰ *Ibid.*, hh. 106-107.

untuk berpuasa sehingga Calcutta kembali aman. Beliau berkata: "*What my word in person could not do, my fast may*".⁴²¹ Pengumuman itu menyentak warga-kota Calcutta; masyarakat Islam sedar, manakala masyarakat Hindu merasa malu. Tidak terkecuali kumpulan pengacau, yang turut memikirkan nasib yang akan menimpa Gandhi, sekiranya kekacauan tidak dihentikan. Para perusuh berhenti merusuh. Para pemimpin masyarakat berjanji mengekalkan perdamaian dan meminta Gandhi memberhentikan puasa. Gandhi akur, dengan amaran, jika janji tidak ditunaikan, beliau akan berpuasa tanpa menghiraukan rayuan lagi.⁴²²

Puasa yang beliau lakukan di Calcutta memberi kesan mendalam terhadap para perusuh dan anasir yang mengambil kesempatan dalam masa kekacauan, dengan mengembalikan keamanan. Dengan demikian, Calcutta dan Bengal kembali aman; demam perbalahan komunal telah surut.⁴²³

Delhi juga mengalami kekacauan, akibat yang ditimbulkan oleh para pelarian dari Punjab Barat ke Punjab Timur yang menyebar dan menceritakan mengenai pengalaman pahit yang mereka alami sepanjang melarikan diri. Apabila Gandhi tiba pada September 1947M, beliau mendapati ibu negara India itu lumpuh, akibat daripada kekacauan komunal terburuk dalam sejarah India yang panjang.⁴²⁴ Orang ramai bingung atas apa yang berlaku ke atas mereka, akibat perpecahan

⁴²¹ *Ibid.*, h. 107.

⁴²² *Ibid.*

⁴²³ *Ibid.*

⁴²⁴ *Ibid.*, h. 108.

negara mereka yang berlaku seumpama mimpi. Memikirkan bahawa Delhi sendiri dalam kekacauan, Gandhi tidak meneruskan perjalanannya ke Punjab.

Walaupun kerajaan India di bawah Nehru, mengambil langkah tegas untuk membanteras rusuhan, dengan menggunakan kekuatan pasukan keselamatan, namun, Gandhi tidak yakin cara demikian dapat menghapuskan kekacauan. Menurutnyanya keganasan dan kekejaman hanya dapat dihancurkan dalam hati manusia.⁴²⁵ Untuk melakukan seperti yang dipercayainya, merupakan tugas berat bagi Gandhi. Di Delhi, terdapat sebilangan kem pelarian, sebahagiannya menempatkan orang Hindu dan Sikh dari Pakistan Barat; dan sebahagiannya menempatkan pelarian Muslim dari Delhi, yang akan menuju ke sempadan untuk memasuki Pakistan. Pelarian Hindu dan Sikh mengalami fikiran kacau, kerana kebanyakan mereka hilang segalanya; rumah, tanah dan pekerjaan. Mereka telah melalui keperitan ketika melarikan diri. Antara mereka hilang sanak saudara dalam rusuhan. Hidup mereka amat pahit, miskin dan tinggal sehelai sepinggang. Golongan ini tidak dapat menghayati apa yang telah disarankan oleh Gandhi, supaya mereka "*forget and forgive*" dan supaya tidak menyimpan dendam terhadap pelaku yang menjadikan hidup mereka menderita. Sebaliknya mereka ini, mempersalahkan Gandhi terhadap pemisahan India yang mana dasar tanpa kekerasannya, telah diatasi oleh kekerasan.⁴²⁶ Segala kisah duka nestapa yang menyayat hati itu, amat melukakan hati Gandhi sendiri. Tetapi kepercayaannya terhadap dasar Tanpa Kekerasan tetap teguh di hatinya. Dalam ucapan sembahyang

⁴²⁵ *Ibid.*

⁴²⁶ *Ibid.*

yang beliau anjurkan setiap petang, beliau menyentuh mengenai masalah komunal. Beliau menekankan kesia-siaan melakukan tindak balas. Dalam usaha untuk menyatu padukan dua masyarakat ini, beliau bertungkus lumus tanpa mengenal penat jemu mendidik masyarakat di Delhi; dengan mendengar rintihan, mencadangkan jalan keluar, menggalak atau memberi nasihat kepada para penanya, melawat kem pelarian, dan mengekalkan hubungan dengan pegawai tempatan.⁴²⁷ Suatu tugas rutin yang dilakukan Gandhi tanpa menghiraukan kepenatan dan kelelahan di usia 78 tahun.

Teguh dengan hasratnya untuk melihat kekacauan dihentikan dan keamanan di Delhi pulih, Gandhi memulakan puasa, pada 13 Januari 1948M. Beliau menyifatkan puasa itu sebagai "*My greatest fast*".⁴²⁸ Puasa tersebut tidak akan beliau hentikan sehingga Delhi kembali aman. Dengan puasanya, dan tindakan tegas pihak kerajaan, pembunuhan berhenti. Keamanan yang Gandhi usahakan, dengan bekerja keras tanpa menghiraukan keselesaan dan kesihatannya selama empat bulan setengah, bukan semata-mata aman tanpa pembunuhan, tetapi suatu keamanan yang terzahir penyatupaduan hati manusia. Berita Gandhi berpuasa menggoncangkan negara. Ia memaksa rakyat memikirkan kembali masalah dan cara menyelesaikannya. Ini menimbulkan suasana yang mendesak dan mustahak bagi menyelesaikan isu yang berbangkit. Sesuatu mesti dilakukan bagi menghentikan puasa Gandhi. Pada 18 Januari 1948M, wakil berbagai masyarakat

⁴²⁷ *Ibid.*

⁴²⁸ *Ibid.*, hh. 108-109. Seperti yang beliau tulis kepada salah seorang pengikutnya. Ia juga merupakan puasa terakhir baginya sebelum kematiannya.

dan parti tampil ke muka, dan berikrar di hadapan Gandhi, bahawa mereka semua akan memastikan keamanan wujud di Delhi. Sebelum menamatkan puasanya, Gandhi memberitahu mereka, (seperti mana beliau memberitahu penandatangan ikrar keamanan di Calcutta, pada September 1947M), iaitu sekiranya mereka tidak menunaikan ikrar yang telah dibuat, beliau akan berpuasa sehingga mati.⁴²⁹

Suatu hakikat kebenaran yang tiada siapa dapat nafikan ialah perjuangan beliau menentang semua bentuk keganasan, dan terutamanya keganasan komunal. Pada 1924M, beliau berpuasa selama 21 hari di Delhi, bagi memberhentikan rusuhan. Dua puasa terakhirnya di Calcutta dan Delhi pada 1947-48M, bertujuan menamatkan keganasan yang diakibatkan oleh perpecahan sebahagian negara India menjadi Pakistan. Segala daya usaha beliau mencapai kejayaan, walaupun keganasan masih belum dapat dihapuskan sepenuhnya, dan keganasan itu benar-benar muncul di hadapannya buat kali terakhir yang mengambil nyawanya sendiri. Orang yang membuat tindakan mengikut fikirannya sendiri itu, ialah seorang fanatik Hindu, yang mempercayai bahawa Gandhi terlalu berlembut terhadap orang Islam dan Pakistan.⁴³⁰

⁴²⁹ *Ibid.*, h. 109.

⁴³⁰ *Ibid.*, h. 114.